

KOLEKSI CERPEN  
PILIHAN  
PELITA BRUNEI  
2014

## **Terbitan**

Unit Penerbitan Melayu  
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

## **Cetakan Pertama**

2017

## **Hak Cipta**

Jabatan Penerangan

## **Penyelaras**

Hajah Rosidah binti Haji Ismail

## **Kompilasi/Susunan/Reka Letak**

Muhammad Al Khaliq bin Ali

## **Penyemak**

Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir

## **Ilustrasi**

Gambar hiasan digunakan di Pelita Brunei

## **Reka Bentuk Kulit Luar**

Hairun Nadhir bin Ismail

## **ISBN**

978-99917-49-76-1

**Hak cipta terpelihara.** 'Koleksi Cerpen Pilihan' merupakan koleksi cerpen yang diterbitkan di dalam Pelita Brunei edisi Januari - Disember 2014. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian kandungan buku ini dalam apa bentuk sekalipun sama ada secara elektronik, fotografi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapatkan keizinan bertulis daripada Pengarah Penerangan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

## **KATA ALUAN**

### **Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**A**lhamdulillah, Koleksi Cerpen Pilihan Pelita Brunei dapat diusahakan penerbitannya. Cerpen-cerpen yang terkandung dalam koleksi ini adalah hasil karya yang telah dikeluarkan dalam akhbar Pelita Brunei di sepanjang 2014.

Penerbitan ini merupakan salah satu usaha Jabatan Penerangan untuk menghargai sumbangan penulis kepada perkembangan kesusasteraan tanah air khususnya mereka yang menyumbangkan karya mereka ke akhbar berkenaan.

Pihak penerbit percaya penerbitan Koleksi Cerpen Pilihan ini dapat meniup semangat/menyuntik para penulis tanah air ke arah menghasilkan karya yang bermutu dan secara langsung akan menjadi sumber penyelidikan bagi penyelidik-penyelidik sastera di masa akan datang.

Pihak penerbit, bagaimanapun, berhak untuk tidak memuatkan dalam koleksi ini mana-mana cerpen yang dirasakan tidak sesuai. Sekian.

**PENERBIT**

2014

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

### **Esok Bukan Sebuah Mimpi**

Oleh : Maya Brunei

6

### **Elaun**

Oleh : Eddy

13

### **Malam Empat Belas**

Oleh : Haji Jamaluddin Aspar

19

### **Noktah Terakhir**

Oleh : Maya Brunei

27

### **Diari Batrisya**

Oleh : Nurul Husna Binti Mohd. Ali

33

## **KANDUNGAN**

## **MUKA SURAT**

### **Lari**

Oleh : Maya Brunei

48

### **Sebuah Kasih Yang Hambar**

Oleh : Mardiah Haji Abdul Gapar

53

# *Esok Bukan Sebuah Mimpi*



Oleh :  
Maya Brunei

## KOTA MADINAH MASJID NABAWI RAUDHAH

**A**KBAR ditarik orang dari belakang lalu memberikan tempatnya untuk Akbar sembahyang di kawasan Raudhah itu. Akbar cuma sempat melirik orang itu tapi tidak pasti. Oleh kerana Akbar sudah lama menunggu peluang seumpama itu, maka Akbar tidak membuang masa lagi lalu sembahyang sunat di Raudhah itu bersama dengan jemaah lain yang berbagai bangsa.

“Allah...!” Seseorang terpijak kepala Akbar ketika dia tengah sujud. Akbar tidak dapat memastikan siapa yang memijak kepalanya itu. Pijak memijak langkah melangkahi juga tolak menolak adalah perlakuan biasa sama ada di Kota Madinah mahupun di Kota Mekah, yang penting kesabaran perlu ada.

Selesai sembahyang Akbar cuba mencari kalau-kalau orang itu masih ada, tapi dalam keadaan yang semacam itu agak sukar untuk mengenalinya. Bagaimanapun Akbar dapat membayangkan orang itu berbaju Melayu dan berkain pelikat, berusia hujung enam puluhan. Raut wajahnya dan juga dari topi putihnya pasti dia orang Brunei.

“Ayah ke Mekah untuk mencari ketenangan.”

“Percayalah ayah adik akan berubah nanti.”

“Ayah gagal mendidik anak-anak ayah dengan sempurna.” Kekesalan nampak di raut wajah ayahnya yang sudah berusia hampir tujuh puluh tahun itu.

“Ayah sudah cukup baik mendidik kami tapi semua itu sudah takdir ayah.”

“Ketiadaan ayah nanti jagalah adik baik-baik.”

“Adik cuma di penjara tiga tahun, pulangnya nanti pasti akan berubah” “Ayah cukup malu walau cuma sehari, ayah malu...!”

“Mak sudah meninggalkan kami dan sekarang ayah pula.”

“Kamu sudah dewasa untuk memilih jalan hidup sendiri, orang tua seperti ayah sudah tidak ada gunanya lagi.”

“Ayah dan arwah mak adalah segala-galanya buat kami, tanpa semua itu siapalah kami ini ayah.” Rabiha merayu agar tidak ditinggalkan oleh ayahnya.

“Jika Allah mengizinkan ayah akan kembali nanti, jika tidak ayah akan berkubur di Mekah.” Kata-kata terakhir dari seorang ayah.

Orang tua yang mengenalkan dirinya Pa Aji itu menangkap kedua belah tangannya ke mukanya kerana tidak tahan meneruskan luahan

hatinya kepada Akbar, ketika mereka sama-sama menunggu waktu solat Isya' di bawah payung otomatis tengah-tengah Masjid Nabawi itu.

Itulah rintihan hati seorang ayah yang sudah terpurus oleh perbuatan anaknya. Bagaimanapun Pa Aji itu berharap kepada anak perempuannya Rabiah selaku kakak tunggal yang diamanahkan untuk memikul tanggungjawab itu. Apapun adanya ikhlas atau tidak Rabiah terpaksa juga menggalas tugas yang amat berat itu.

Rabiah pula seakan tidak sanggup untuk memikul semua itu dan akan mencampakkan saja adiknya ke dalam penjara untuk seumur hidup. Tapi Rabiah tidak tergamak untuk mengkhianati amanat ayahnya yang penuh berharap itu.

“Kalau nak ikut rasa kakak biar adik dalam penjara seumur hidup...!”  
Rabiah amat marah umpama singa yang sedang lapar.

“Maafkan adik kak, adik cuma ikut-ikutan dengan kawan-kawan.”

“Jangan salahkan orang lain...!” Rabiah semakin naik angin mau saja diratahnya adiknya itu bulat-bulat macam kucing meratah tulang temulang seekor ikan.

“Adik terlanjur kak...adik terlanjur.” Adiknya merayu minta dipercayai.

“Adik kena fikir dulu benda itu elok atau tidak...!”

“Adik betaubat biar adik mati sekali pun, adik tidak akan menyentuh benda haram itu lagi.”

“Tidak ada gunanya sumpah selagi dalam hati adik itu tidak ada keinsafan, nanti memakan diri sendiri tau...!”

“Adik rela dimakan sumpah dari memakan najis itu kembali.”

Sudah terhantuk baru nak tengadah, nasi sudah menjadi bubur jika terlajak perahu dapat diundur, tapi terlanjur perbuatan akan ada kesudahannya. Itulah ragam hidup umpama masakan dengan perancahnya. Dengan rasa penuh tanggungjawab sebagai seorang kakak yang diamanahkan, Rabiah pasrah pada apa yang ditakdirkan Allah kepadanya.

Waktu di Kota Madinah memang terbatas, terlalu singkat cuma tiga hari dan dua malam. Belum puas Akbar bersujud di Raudhah, belum terbalas rindu menatap Makam Baginda Rasulullah. Kota Madinah yang mempunyai banyak sejarah perjuangan demi untuk mempertahankan agama Allah itu harus segera ditinggalkan. Pengembaraan Akbar di bumi berkah itu belum selesai, hati kecil Akbar digamit oleh lambaian Ka'bah yang seolahnya cemburu minta dikunjungi secepatnya.

## KOTA MEKAH MASJIDIL HARAM

Hari ke empat Akbar berada di Kota Mekah, Akbar bersua lagi dengan Pa Aji itu ketika sama-sama melakukan tawaf, Pa Aji itu senyum dan ini yang membuatkan Akbar terfikir mengapa Pa Aji itu sering menampakkan diri kepadanya. Apakah dia manusia biasa atau...?

Enam hari berada di Tanah Suci tidak cukup untuk bertakbir, bertasbih, dan bertahmit memuji Kebesaran Allah. Adat burung pulang ke sarangnya, ikan juga akan pulang ke lubuk dan begitu pula adat tetamu Allah yang bertandang akan ada harinya untuk pulang walau terasa berat kaki untuk melangkah pergi.

Tidak akan terungkap dengan lisan mahupun tulisan untuk menyatakan betapa terharunya sebuah perpisahan itu. Berpisah dengan Rumah Allah air mata jadi tebusannya. Akbar mengatur langkah menuju hotel kerana hari itu juga mereka akan berangkat meninggalkan Bumi Berkah yang belum tahu bila akan memijaknya lagi.

“Assalamualaikum...!” Lembut dan lantang suara itu.

“Walaikumusaalam...” Akbar segera menoleh.

Pa Aji itu muncul lagi yang sebelum ini Akbar juga berjumpa semasa sedang bersembahyang di Hijir Ismail, tapi oleh kerana kesesakan di tempat itu Akbar tidak sempat bersemuka dengan Pa Aji itu. Tapi sekarang tanpa dicari dia datang sendiri.

“Pak Aji hendak berkirim sesuatu untuk anak Pak Aji.”

“Apakah Pak Aji ini manusia atau malaikat...?” Akbar semacam geram. Pa Aji itu diam lalu memberikan sebuah kotak kecil kepada Akbar, mereka cuma bersalaman kerana tidak ada masa lagi untuk berbual. Pa Aji senyum tanda berterima kasih dan terbayang kepuasan diwajahnya.

#### DALAM PESAWAT SEPANJANG PENERBANGAN

Ketika pesawat dialun gelombang awan dalam penerbangan pulang ke tanah air, Akbar teringatkan kotak kecil yang diberikan oleh Pa Aji itu. Akbar lupa bertanya siapa nama dan juga alamat anaknya itu. Dalam keadaan letih begitu Akbar tidak berupaya lagi melayari soalan-soalan demikian. Dia mahu releks sepanjang penerbangan itu.

“Maafkan saya Pak Aji kerana pagi ini kami hendak berangkat ke Jeddah.”

“Tolong berikan kotak ini kepada anak saya.”

“Saya tidak kenal anak Pak Aji...?”

“Di dalam kotak ini ada nama dan alamat anak Pa Aji.”

“Pak Aji bila pula nak balik ke Brunei...?”

Akbar terjaga dari lenanya yang baru sebentar itu kerana dikejutkan oleh pemberitahuan untuk memakai tali pinggang keselamatan kerana cuaca kurang elok, semua penumpang mematuhinya demi untuk

keselamatan bersama.

Betulkah nama dan alamat anak Pa Aji itu ada di dalam kotak itu? Mahu saja Akbar membuka kotak kecil itu, tapi sayang kotak kecil itu berada di dalam beg besarnya dalam perut pesawat itu. Akbar menarik nafas panjang.

“Ini rumah Rabiah binti Hj Nasrudin...?” Setelah Akbar pasti bahawa itulah rumah anak Pa Aji sebagaimana yang tertulis di dalam kotak kecil itu.

“Saya sendiri...!” Rabiah terkejut dan mula diselubungi dengan berbagai andaian. Apatah lagi Rabiah tidak kenal Akbar yang senang-senang mendatangi rumahnya itu. Rabiah berwaspada kerana sekarang ini macam-macam boleh berlaku.

“Saya baru balik umrah malam tadi dan ini ada kiriman dari ayah Rabiah.” Akbar memberikan kotak kecil itu. Rabiah tercengang.

“Dari ayah...?” Rabiah menerimanya tapi hairan. Akbar semacam serba salah.

“Kamu jumpa ayah saya di Mekah...?” Rabiah tidak begitu mudah untuk menerima semua itu apa lagi terhadap orang yang belum dikenalnya.

“Katanya dia sering berdoa agar anak lelakinya itu taat kepada suruhan Allah.” Rabiah diam cepat jari-jarinya yang lembut itu menyapu air matanya yang hendak mengalir. Rabiah cuba menyembunyikan kesedihannya itu.

“Saya berjumpa ayah Rabiah di Madinah dan juga di Mekah, dia banyak bercerita tentang anak-anaknya.” Akbar senyum-senyum bahasa.

“Yakinkah kamu jika saya katakan sesuatu...?” Rabiah bersuara dengan nada perlahan dan terputus-putus. Rabiah menyiruk hingusnya

yang hendak meleleh.

“Katakanlah yang penting tugas saya telah selesai.”

“Ayah saya itu telah meninggal dunia di Mekah setahun yang lalu.”

Akbar pula merasakan dirinya berada di alam fantasi. Tapi dia berjumpa dengan orang tua itu bukan dalam mimpi atau khayalan. Dia berjumpa ditengah-tengah keriuhan umat manusia yang membanjiri kota yang tidak ada duanya itu.

“Adik kamu itu di mana...?”

“Di surau sebentar lagi dia akan balik.”

“Biar saya ke sana dan kebetulan juga saya belum solat Asar.” Akbar beredar meninggalkan Rabiah yang masih dalam kebingungan itu.

Di surau Akbar nampak seorang lelaki sedang khusyuk berwirid. Selesai Akbar bersembahyang dua rakaat, Akbar perlahan-lahan mendekati lelaki itu lalu memberi salam. Lelaki itu menjawab sambil menoleh ke kanan. Akbar terperanjat kerana lelaki itu adalah ayah Rabiah.

“Astaghfirullah-alazim...!”

Akbar tertidur lagi dan terjaga sebaik-baik sahaja pemberitahuan memakai tali pinggang keselamatan diumumkan kerana sebentar lagi pesawat akan mendarat. Akbar terlebih awal sampai ke destinasi melalui mimpinya sebentar tadi. Esok dia akan betul-betul bersua dengan anak Pa Aji itu, dan esok juga bukan lagi sebuah mimpi.

TAMAT

*Pelita Brunei keluaran 20 Mac 2013*

# Elaun



Oleh :  
Eddy

**A**KU duduk bersendirian di atas batu di tepi pantai. Fikiran jauh melayang memikirkan apa yang perlu aku lakukan untuk membayar elaun persekolahanku. Cikgu Azlan iaitu guru disiplin sekolahku sering kali mengingatkan kepadaku tentang elaun persekolahanku yang masih lagi belum berbayar. Kini masuk ke bulan Mei, namun aku belum mampu membayarnya. Pelajar-pelajar yang lain sudah membayarnya pada bulan pertama persekolahan bermula. Hanya aku sahaja yang belum lagi menjelaskannya.

Hari itu aku tidak terus balik ke rumah. Aku ingin mencari ketenangan seketika. Aku malu pada guru dan juga teman-temanku. Bukannya aku tidak mampu membayar tetapi aku memerlukan sedikit waktu untuk mendapatkan wang. Ayah sudah lama meninggal dunia. Kini aku bersama dua orang adikku hidup bersama ibu. Ibu hanya menjalankan perniagaan kecil-kecilan iaitu menjual nasi lemak dan kuih-muih. Pendapatan ibu pula tidak menentu. Ada kalanya jualan itu habis dan ada waktunya tidak. Dengan wang hasil perniagaan ibu digunakan untuk menampung kehidupan kami sekeluarga.

Mataku terus liar memerhatikan kawasan sekeliling pemandangan pantai itu. Kini kelihatan ramai pengunjung telah berada di situ. Ada yang berkumpul bersama keluarga, bermandi-manda, mengadakan aktiviti sukan dan sebagainya.

Ada sebahagian ibu bapa pula sedang memerhatikan anak-anak mereka bermain di tepi pantai.

Burung-burung kelihatannya bergembira terbang ke sana ke mari bersama-sama teman seperti berkejaran sesama sendiri. Alangkah eloknya jika sekiranya aku seperti mereka. Fikir hatiku. Bebas daripada memikirkan masalah. Bebas dari segalanya. Boleh terbang sesuka hati dan merantau jauh ke negeri orang. Ah, lupakan saja.

Di sudut lain pula kelihatan nelayan-nelayan sedang sibuk menyusun barang-barang alat menangkap ikan untuk dinaikkan ke atas perahu mereka. Beberapa orang nelayan lain juga sibuk menurunkan perahu mereka dari trailer. Ada yang menggunakan kereta pacuan empat roda dan ada juga yang menggunakan kereta salon untuk mengangkat perahu mereka.

“Hai Lan. Termenung nak kahwin kah? Dari tadi melamun saja,” kedengaran suara usikan seseorang dari arah belakang.

“Eh, kau Jehan. Aku fikir siapa tadi,” tegurku sebaik sahaja menoleh ke belakang. Aku terus mengajak Jehan duduk disampingku.

“Apa yang kau fikirkan?” tanya Jehan inginkan penjelasan daripadaku. Dia seolah-olah dapat menangkap permasalahanku yang sedang aku fikirkan.

“Dilihat dari raut wajah kau, aku pasti kamu mempunyai masalah,” tambah Jehan lagi kerana ingin mengetahuinya. Dia ingin membantu.

“Sebenarnya aku mempunyai masalah tentang elaun sekolahku yang belum lagi aku jelaskan. Cikgu Azlan sering kali mengingatkan padaku. Jikalau aku belum menjelaskan hingga pertengahan tahun ini, aku tidak dibenarkan untuk menduduki peperiksaan,” aku menerangkan masalah yang sedang aku hadapi. Mulanya aku agak keberatan untuk memberitahu perkara tersebut pada Jehan tetapi disebabkan desakan ingin tahu daripada Jehan, aku terpaksa luahkan juga kepadanya.

“Awak kan tahu tentang keluarga aku bukannya daripada keluarga yang senang. Pendapatan ibu pula tidak seberapa tertakluk pada hasil jualannya. Jika bernasib baik, boleh juga beroleh pendapatan hingga lima puluh ringgit sehari tetapi jika tidak sepuluh ringgit pun susah nak dapat,” aku menambah dan menerangkan mengenai pendapatan yang diperolehi oleh ibuku.

Kami diam seketika dan melayan fikiran masing-masing. Aku terus menikmati keindahan yang cantik di pantai itu. Kini semakin ramai pengunjung berada di situ. Kedengaran suara jeritan ibu bapa memanggil anak-anak mereka yang sedang mandi di pantai. Mereka nampaknya risau tentang anak-anak mereka yang bermain di air. Alunan ombak juga tidak ketinggalan untuk sama-sama memainkan iramanya. Air yang nampak jernih itu menampakkan bintang-bintang kecil sedang berenang-berenang bermain bersama.

“Aku ada cadangan, itu pun kalau kau setuju,” tiba-tiba Jehan bersuara setelah sekian lama membisu. Jehan membetul kedudukannya. Kini dia menghadap ke arahku.

“Apa dia cadangan itu,” aku bertanya pada Jehan inginkan penjelasannya. Aku tidak sabar mendengar cadangan yang akan beritahu oleh Jehan itu. Mataku beralih memandang wajah Jehan.

“Apa kata kita bekerja di kedai runcit Pak Cik aku. Pak Cik aku sedang mencari pekerja waktu ini. Kita boleh menolongnya selepas habis waktu sekolah,” Jehan memberitahu cadangan untuk bekerja di kedai pak ciknya.

“Cadangan itu bagus tapi aku tidak dapat memberikan jawapannya sekarang. Aku perlu memberitahu perkara ini kepada ibuku. Aku hendak meminta kebenaran daripadanya terlebih dahulu. Aku tidak mahu menyembunyikan perkara ini daripadanya.”

“Baiklah. Aku tunggu jawapan dari kau,” balas Jehan sambil berdiri kerana hendak beredar. Kebetulan waktu itu jam menunjukkan pukul 5.30 petang. Dia ada perkara lain yang perlu dilakukannya.

“Ibu, Lan ada perkara nak beritahu ibu,” aku memulakan perbualan ketika kami sekeluarga sedang menikmati makan malam. Sebelum meneruskan perbualan, aku meneguk air putih.

“Apa dia Lan”, tanya ibu padaku. Ibu menikmati makanan yang terhidang dengan begitu berselera.

“Sebenarnya Lan ada permintaan daripada ibu. Itu pun kalau ibu tidak keberatan. Lan nak bekerja tapi selepas waktu sekolah. Lan boleh juga membantu ibu dalam segi kewangan. Boleh juga Lan membayar elaun Lan yang belum lagi dijelaskan,” aku memberitahu ibu tentang keinginanku untuk bekerja.

Ibu diam dan berfikir seketika. Dua orang adikku pula begitu asyik makan ayam masak cili padi yang diberikan oleh jiran sebelah. Jiran sebelah memang baik hati kerana tidak lokek memberikan sedekah pada keluarga kami sama ada yang berupa makanan atau pun barang-barang keperluan.

“Kalau itu kehendak Lan, ibu tidak melarang asalkan Lan pandai membahagikan masa. Cuma satu sahaja ibu pinta, jangan mengabaikan pelajaran. Pelajaran adalah senjata utama untuk terus hidup Lan, ibu menyatakan persetujuannya sambil memberikan kata-kata nasihat buatku. Aku berasa senang dengan jawapan yang diberikan.

Ibu merasa terharu dan gembira mendengar penjelasan daripadaku. Dia tidak menyangka aku sudi membantunya dalam mencari sumber kewangan walaupun umurku baharu sahaja lima belas tahun. Ibu bersyukur kerana dikurniakan anak-anak yang baik dan hormat kepada orang tua.

Keesokkan harinya aku terus menuju ke dewan sekolah untuk berjumpa Jehan. Kebiasaannya Jehan akan berada di dewan sementara menunggu waktu belajar bermula. Pagi itu aku ingin menyampaikan perkhabaran gembira kepadanya. Tidak sabar rasanya aku ingin memulakan kerja di kedai runcit Pakcik Jehan. Aku ingin mengumpul wang untuk menjelaskan elaun persekolahanku yang tertunggak.

“Hai Jehan. Awal kau hari ini,” aku memanggil Jehan dari luar dewan. Jehan tidak menyedari dengan kehadiranku. Jehan berhenti membaca dan meletakkan bukunya di atas meja.

“Aku setuju dengan cadangan kau kelmarin. Ibu aku pun dah setuju aku bekerja di kedai runcit pak cik kau,” aku memberitahu Jehan tentang tujuanku berjumpanya pagi itu.

“Kalau macam itu, petang nanti kita jumpa pak cik aku.”

“Baiklah, kita sama-sama ke sana,” balasku.

Lonceng berbunyi menandakan kelas akan bermula. Aku dan Jehan bingkas bangun dan terus menuju ke kelas masing-masing. Persekolahan pagi itu berjalan dengan lancar. Cikgu Azlan tidak kelihatan. Selalunya dia akan melawat ke kelas-kelas untuk melihat persekitaran sekolah dan suasana pelajar-pelajar. Mungkin hari itu dia sibuk ataupun berada di luar sekolah. Aku risau

jika Cikgu Azlan bertanyakan lagi tentang pembayaran elaun sekolahku.

Petang itu seperti yang telah dijanjikan, aku dan Jehan pergi ke kedai runcit pak ciknya. Kami berjumpa Pak Cik Hamdan dan menerangkan tujuan kami berjumpanya. Pak Cik Hamdan berasa gembira atas kesanggupan kami membantunya. Pak Cik Hamdan bermurah hati untuk memberikan kami gaji sebanyak \$2.00 sejam.

Setiap hari selepas sahaja selesai sesi persekolahan, aku dan Jehan terus sahaja bekerja di kedai runcit Pak Cik Hamdan. Hari Jumaat dan Ahad, kami akan bekerja dari pagi hingga petang. Di musim cuti persekolahan pula, kami akan bekerja setiap hari. Aku semakin seronok bekerja di kedai Pak Cik Hamdan.

Beberapa bulan bekerja di kedai runcit Pak Cik Hamdan, aku telah dapat mengumpulkan wang hasil dari titik peluhku sendiri. Baharulah aku tahu betapa susahnyanya mencari wang. Begitulah juga kesusahan emak mencari wang buat perbelanjaan kami sehari-hari. Fikiranku melayang jauh bersendirian dan di dalam hati berasa gembira dengan hasil wang yang aku perolehi. Hasil daripada wang gaji yang dikumpul, aku akan gunakan untuk menjelaskan elaun persekolahanku dan selebihnya digunakan untuk membeli barang-barang keperluan rumah. Hari ini aku pergi ke sekolah dengan penuh kegembiraan. Aku hendak berjumpa dengan Cikgu Azlan untuk menjelaskan wang bayaran elaun persekolahanku yang tertunggak. Sebelum kelas bermula pagi itu, aku terus pergi ke bilik pentadbiran untuk mencari Cikgu Azlan. Sebaik sahaja sampai di depan pintu biliknya, aku terus mengetuk pintu sambil memberi salam. “Assalamualaikum cikgu.”

“Walaikumsalam,” kedengaran suara Cikgu Azlan membalas daripada dalam biliknya.

Tanpa arahan daripada Cikgu Azlan, aku membuka pintu dan melangkah masuk dengan perlahan. Kelihatan Cikgu Azlan sedang sibuk memeriksa fail-fail pelajar. Suasana biliknya agak sunyi dan hanya kedengaran ketukan kecil jam dinding yang memainkan peranannya yang penting dalam mengira masa, tanpanya kita tidak akan tahu waktu-waktu yang tertentu.

“Awak Mazlan. Silakan duduk”, Cikgu Azlan mempelawaku duduk.

“Terima kasih cikgu,” jawabku ringkas.

“Ada apa Mazlan berjumpa cikgu pagi ni,” tanya Cikgu Azlan. Tangannya masih lagi ligat menyusun fail-fail yang berselerak dimejanya.

“Saya berjumpa cikgu ni kerana hendak membayar elaun persekolahan,” terangku dengan sopan. Kini meja Cikgu Azlan kembali kemas. Ada beberapa keping kertas tersusun di mejanya.

“Oh... nampaknya selepas ini cikgu tidak akan sering berjumpa kamu,” beritahu Cikgu Azlan sambil tersenyum menampakkan barisan giginya yang putih. Cikgu Azlan seorang guru yang baik hati tetapi tegas dalam disiplin.

“Baiklah, kita pergi ke bahagian kewangan,” ujar Cikgu Azlan sambil berdiri dan bergerak meninggalkan biliknya. Aku juga turut mengikutinya dari belakang.

Aku berasa gembira dan tidak perlu risau lagi kerana dapat menjelaskan wang elaun persekolahanku. Ini bermakna aku akan dapat menduduki peperiksaan kelak. Aku akan belajar bersungguh-sungguh dan berusaha untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan nanti.

TAMAT

*Pelita Brunei keluaran 11 Januari 2014*

# *Malam Empat Belas*



Oleh :  
Haji Jamaluddin Aspar

**R**AUYAH mengosok-gosok matanya sambil mengamat-amati bunyi itu kalau-kalau ianya akan berulang lagi, tapi ternyata dalam keadaan yang sunyi sepi begitu seolah-olah tidak ada bunyi apa-apa seperti yang didengarnya sebentar tadi.

Satu dentuman yang kuat memecah kesunyian lebih sedikit dua suku malam itu, cukup menembusi gegendang telinganya yang baru saja terlelap sekejap selepas memasak yang nantinya cuma dipanaskan untuk hidangan bersahur. Rauyah pasti bunyi itu datangnya dari dapur.

Rauyah melihat jam dinding bilik tidurnya itu baru menunjukkan lebih dua puluh empat minit pukul dua belas tengah malam. Rauyah menyangka ada orang di dapur, tapi Rauyah terfikir juga di saat-saat seperti ini apa lagi di bulan puasa, anak-anaknya tidak berani hendak ke dapur. Kalau begitu apa pula yang berbunyi itu?

Dalam kepala Rauyah terpeta pelbagai perkara-perkara yang negatif. Kerana itu Rauyah bingkas dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan yang akan berlaku atau terjadi. Apa lagi sekarang ini bencana alam dan sebagainya bila-bila sahaja boleh berlaku dengan sekelip mata.

Banjir kilat... tanah susur... pokok tumbang umpamanya, begitu juga lain-lain kejadian seperti kecurian mahupun kejahatan-kejahatan malam yang sama sekali tidak diduga. Rauyah tidak mahu mengejutkan suaminya yang baru saja tidur itu, biar dia saja yang menghadapinya secara solo.

Rauyah perlahan berjalan ke dapur, ruang dapur itu gelap yang cuma diterangi oleh lampu peti sejuk. Dengan sedikit rasa takut Rauyah cuba memberanikan diri membuka jendela untuk melihat keadaan di luar, macam biasa tidak ada apa-apa benda yang ganjil berlaku.

Udara sejuk dan dingin... langit cerah, suasana keliling tenang... damai, ditambah lagi dengan keindahan sinaran bulan yang berusia empat belas hari itu. Cuma kedengaran nyanyian sayu birik-birik sesekali bunyi sang katak bersahut-sahutan yang mungkin meminta agar hujan segera turun.

Tiba-tiba Rauyah merasakan bulu romanya meremang. Rauyah dengan perasaan geram membuka pintu apabila terlintas satu lembaga yang mencurigakan. Pintu dibuka dengan kuat, nyata seorang wanita berpakaian putih lengkap dengan talkungnya seperti orang yang lepas sembahyang. Wanita itu kurang lebih seumur dengan Rauyah, kira-kira empat puluh lima tahun, kalau disukat-sukat wanita itu lebih pendek dua kaki daripada Rauyah dan berbadan gemuk. Wajahnya nampak cerah dan riang sepertinya tidak mempunyai apa-apa masalah.

Rauyah tidak menyangka apa-apa yang buruk terhadap wanita itu, cuma merasa sedikit curiga, ragu-ragu dan tertanya-tanya mengapa di waktu yang sudah lebih setengah malam itu dia masih merayau-rayau ke rumah orang lain, mungkinkah dia memerlukan pertolongan?

Tapi wanita itu tidak pula menampakkan apa-apa perlakuan yang aneh seperti meminta pertolongan atau apa-apa kemungkinan ketika itu. Umpamanya enjin keretanya mati di tengah jalan kerana rosak atau setidak-tidaknya pun kehabisan minyak, atau mungkin saja baterinya kekeringan air.

Rauyah bersiap sedia kalau-kalau akan berlaku perkara yang tidak diduga kepadanya. Tangannya tidak kosong, batang penyapu besi yang sempat disambarnya sudah tergeggam erat ditangannya cuma menunggu waktu batang penyapu besi itu akan dimanfaatkan.

Sebaliknya pula wanita itu nampaknya tidak gentar pada apa yang dipegang oleh Rauyah itu, dia nampak releks dan bersahaja seolah-olah Rauyah tidak membawa apa-apa pun yang boleh mencederakan dirinya.

“Kau siapa?” Rauyah memecah kesunyian malam itu, tapi tidak ada respon dari wanita itu malah dia terus berdiam diri.

Wanita itu liar memandang kiri dan kanan terus ke dalam rumah dengan pandangan yang menyeramkan dan menakutkan. Perlakuan wanita yang tidak diundang di tengah malam itu tambah meremangkan bulu tengkuk Rauyah setegak tegaknya.

“Kau siapa ah?” Kuat suara Rauyah, jejarinya resah gelisah umpama jari-jari ketam yang terbalik tidak sabar untuk menghayunkan batang penyapu besi itu ke sasarannya dengan tepat.

“Aku iblis betina!” Jawab wanita itu sambil memandang wajah Rauyah dengan pandangan yang tajam.

“Kau jangan main-mainkan aku nanti buruk akibatnya.” Rauyah yakin wanita itu sengahaja berbuat demikian untuk memancing kemarahannya.

“Aku tidak berdusta apa lagi main-main, aku ini iblis betina tidak akan pernah main-main...!” Tekanan suara wanita itu amat meyakinkan.

“Kau fikir aku tidak boleh membezakan antara manusia dengan iblis?”

Rauyah cuba mengawal perasaannya kkuatir batang penyapu besi dalam genggamannya itu akan *landing* atas bumbunan wanita itu. Silap-silap nanti dia pula yang dikatakan membunuh walaupun dikategorikan membunuh tanpa niat.

“Aku ini memang iblis betina ...musuh kau dan juga musuh semua manusia seperti kau...!”

“Kalau kau iblis mengapa kau menyerupai manusia seperti ini?”

“Aku sebenarnya ingin menjadi manusia, kerana aku sudah letih dan jemu menjadi iblis sampai ke hari kiamat nanti. Selama ini aku dan teman-temanku tidak ada kerja lain cuma mengganggu manusia dengan pelbagai cara, padahal manusia itu tidak berbuat jahat kepada sesiapa apalagi kepada kami...” Iblis betina yang ingin menjadi manusia itu meleret-leret meluahkan perasaannya.

“Sebelum terjadi apa-apa kepada dirimu, lebih baik kau balik sekarang.

Barangkali kau sakit dan esok pagi-pagi kau pergi ke kelinik periksa otak. . . !” Rauyah melepaskan geramnya.

“Aku berkata benar walaupun kami sering berbohong, aku ini iblis betina yang ingin menjadi manusia.” Iblis betina yang ingin menjadi manusia itu mengulangi perkataannya agar Rauyah percaya pada apa yang diperkatakannya itu.

“Kejahatan-kejahatan yang telah kami lakukan kepada manusia selama ini, semua itu adalah suruhan nenek moyang kami turun temurun, yang menganggap manusia itu adalah musuh yang wajib diperdaya dan diheret ke lembah maksiat hingga ke hari kiamat. Fokas perjuangan kami dari puak iblis mahupun syaitan, biar semua manusia itu akan tetap tinggal bersama kami di dalam neraka.” pengakuan iblis betina yang ingin menjadi manusia itu.

“Kau jangan memandai-mandai hendak menjadi manusia, sedangkan manusia itu sendiri kadang-kadang banyak yang sudah menjadi iblis seperti kau ini, kau jangan cuba-cuba hendak menyesatkan aku. Nyah kau dari sini...!” Rauyah mengangkat batang penyapu besi yang sudah panas dalam genggamannya itu untuk mengusir iblis betina yang ingin menjadi manusia itu.

“Sabar dulu... itulah manusia seperti kau ini cepat marah tanpa menyedari dalam kemarahan itu aku dan rakan-rakan seperjuanganku dengan mudah saja masuk ke dalam jiwa dan raga kamu untuk mempengaruhi perasaan kamu itu, cuba bawa mengucap. . . !”Macam dialog manusia sejati yang keluar dari mulut iblis betina yang ingin menjadi manusia itu.

“Kau jangan hendak mengajar aku, sejak Nabi Adam diciptakan dari dahulu lagi hingga ke saat ini pun kamu tidak sudah-sudahnya mengganggu dan memusuhi manusia, apa yang kamu dapat?” Maruah sebagai seorang manusianya terasa dicabar oleh iblis betina yang ingin menjadi manusia itu.

“Semua itu adalah perlakuan angkuh dan sombong nenek moyang kami

ketika berada di dalam syurga dahulu yang tidak mahu sujud kepada Adam, aku bersama kawan-kawanku sudah muak dengan perangai dan telatah mereka itu, ramai kawan-kawanku dari puak iblis mahupun syaitan akan menjadi manusia, jika aku berjaya menyakinkan mereka bahawa jadi manusia itu baik dan selesa.” Iblis betina yang ingin menjadi manusia itu nampaknya bersungguh-sungguh.

Rauyah arif dengan taktik kotor dan jijik mahluk yang bergelar iblis mahu pun syaitan laknat Allah itu dengan memanfaatkan palbagai ruang untuk melicinkan misi jahat mereka itu. Iblis dan syaitan itu adalah musuh manusia yang terang lagi nyata, kerana itu Rauyah berhati-hati dan berjaga-jaga agar tidak mudah termakan dengan pujuk rayu iblis betina yang ingin menjadi manusia itu.

Rauyah membaca ayat-ayat suci, kerana makhluk yang tercegat dihadapannya sekarang bukan sebarang, ia adalah syaitan walaupun berwajah manusia. Rauyah harus memperkuat iman dan keyakinannya agar tidak ditembusi oleh cucukan jarum musuh manusia hingga ke hari kiamat itu.

Tapi iblis betina yang ingin menjadi manusia itu tidak menginginkannya, apa lagi untuk menunjukkan rasa takutnya, Rauyah teringat kata-kata ustazah bahawa dalam bulan Ramadhan semua iblis dan syaitan dibelunggu.

“Tahukah kau sekarang ini bulan puasa, bagaimana pula kau boleh terlepas dari pasungan itu?” Macam bercakap dengan manusia yang bulat-bulat seratus peratus.

“Aku kira kau lebih faham akan politik iblis mahupun syaitan seperti aku ini, kami akan menggunakan apapun cara untuk menjebak manusia seperti kau.” Iblis betina yang ingin menjadi manusia itu mulai angkuh dan sombong, hampir tidak ada bezanya dengan nenek moyang mereka, malah lebih agresif.

“Itu bagi orang-orang yang dapat kamu perdayakan, tapi jika orang-orang yang beriman kepada Allah, nescaya kamu tidak akan berhasil,” Rauyah bertahan.

“Aku tahu semua itu... tapi aku ini adalah iblis dan syaitan yang berada di dalam diri manusia itu sendiri termasuk kau...!” Iblis betina yang ingin menjadi manusia itu melepaskan marahnya disebabkan manusia di hadapannya itu sukar untuk diperdaya.

Rauyah merasakan dirinya telah dipermain-mainkan oleh iblis betina yang ingin menjadi manusia itu, dengan perasaan marah yang tidak terkawal lagi, dia menghayun batang penyapu besi yang dipegangnya itu tepat ke bumbunan iblis betina yang ingin menjadi manusia itu.

Sebaliknya dengan tangkas seperti seorang pendekar yang berada di tengah gelanggang iblis betina yang ingin menjadi manusia itu mengelak, batang penyapu besi dalam genggamannya Rauyah terlepas, nyaris mengenai dirinya sendiri.

Rauyah terkejut... gelas di tangannya terpelanting, mujurlah gelas elastik kalau kaca pasti gelas itu sudah pecah berkecai. Dia terlelap sebentar di atas kerusi dekat katilnya lalu bermimpi dan berdialog dengan iblis betina yang ingin menjadi manusia itu. Rauyah bangkit dari kerusi lalu meletakkan badannya atas katil dekat suaminya.

Rauyah diganggu lagi oleh bunyi yang sama ketika matanya baru berlabuh ditirai fantasi sebelum ini.

Perlahan Rauyah berjalan ke dapur bagi memastikan apakah kejadian itu benar-benar berlaku atau cuma gerakan dalam sebuah mimpi seperti sebelumnya. Dari jauh lagi Rauyah sudah nampak satu lembaga sama seperti dalam mimpinya. Rauyah dengan perasaan marah membuka pintu dengan kuat, nyata wanita yang sama dengan pakaiannya yang juga serupa sambil tersenyum seolah-olah mempermainkan dirinya.

“Kenapa kau belum pergi hah...?” Geram dan marah Rauyah sudah memuncak.

“Aku ingin menjadi manusia.” jelas iblis betina yang ingin menjadi manusia itu.

“Kau iblis...kau syaitan...!” jerit Rauyah sekuat-kuat hatinya.

“Percayalah padaku...aku tidak tipu kau...!” Rayu iblis betina yang ingin menjadi manusia itu.

Itulah iblis mahupun syaitan yang sebenarnya, mereka tidak akan pernah putus asa sehingga mereka berhasil memperdayakan semua manusia hingga ke hari kiamat. Begitulah juga sumpah mereka ketika dihalau dari syurga lantaran

kedegilan mereka sendiri yang tidak mahu menuruti perintah Allah.

“Kau isi neraka... iblis, syaitan laknat Allah. . . !”marah Rauyah sudah melimpasi sempadan.

“Aku ingin lari dari sumpah nenek moyangku itu...!” jelas iblis betina yang ingin menjadi manusia itu bersungguh-sungguh.

Rauyah tidak mahu iblis betina yang ingin menjadi manusia itu terus-terusan mengoda dirinya, Rauyah sedar iblis betina yang ingin menjadi manusia itu adalah iblis yang hendak menyesatkan dirinya sendiri.

Rauyah memejamkan matanya sambil membaca ayat kursi, jiwa dan raganya benar-benar hadir di depan Allah memohon perlindungan-Nya dari palbagai godaan iblis betina yang ingin menjadi manusia itu.

Tidak lama kemudian azan Subuh kedengaran, Rauyah nampak iblis betina yang ingin menjadi manusia itu lari lintang pukang sambil meludah-ludah dan kentut yang memanjang meninggalkan Rauyah.

Rauyah terkejut lagi apabila dirasakannya ada orang yang menggerak-gerakkan badannya.

Alunan azan dari telefon bimbitnya memenuhi ruang legar telinganya dan berjaya menghentikan dialognya bersama iblis betina yang ingin menjadi manusia itu walau cuma dalam sebuah mimpi.

Rauyah melihat jam dinding sudah pukul tiga empat puluh dua pagi.

Perlahan-lahan Rauyah bangkit dari katilnya dan beredar ke dapur untuk menyediakan hidangan sahur seperti biasa. Mimpinya melihat iblis betina yang ingin menjadi manusia itu, langsung tidak mempengaruhi perasaannya dan dia menganggap itu adalah pakaian tidur yang bila-bila masa saja boleh berlaku.

Beberapa saat kemudian Rauyah menjerit seperti orang ketakutan.

Suaminya yang masih baring atas katil itu terkejut lalu meluru ke dapur mendapatkan Rauyah yang tersandar di dinding dapur sambil menghalakan telunjuknya ke luar jendela. Suaminya memandang keluar, tapi tidak ternampak apa-apa cuma bulu tengkuknya berdiri tegak.

TAMAT

*Pelita Brunei keluaran 03 Februari 2014*

# *Noktah terakhir*



Oleh :  
Maya Brunei

**M**EMANG agak sukar untuk menjelmakan impian itu menjadi kenyataan. Kalau alang-alang usaha, jika calang-calang menempuh cabaran ianya cuma akan tinggal impian untuk selama-lamanya yang pada saat akhirnya akan menjadi tugu peringatan bagi sebuah legenda.

Tidak ada lain yang dirindui oleh seorang yang bergelar isteri selain dari suami. Siapa pun dan bagaimana bentuknya tidak boleh lari dari perasaan itu. Hanim juga tidak terkecuali dari senario yang serupa. Walau pun dia tidak lebih umpama punggok yang merindukan bulan.

“Kami saling cinta menyintai tidak mungkin akan lenyap begitu saja.” Hanim masih menghargai kedaulatan dan kesucian perkahwinan mereka. Walaupun telah nyata kedaulatannya sudah tercemar.

“Kau terlalu berlembut Nim pasal itulah kau kalah.”

“Bagaimana hendakku paksakan diriku Zela jika sudah begini jadinya.”

“Ada ketikanya kita perlu berlaku keras demi untuk menyelamatkan keadaan.”

“Itu kejam namanya nanti orang akan kata kita ganas...!”

“Kerana itulah kau senang dikotak-katikkan oleh seorang laki-laki yang bernama suami, macam suami kau tu.” Zela mula naik radang. Macam dia yang kena getahnya.

“Aku tidak mampu untuk berbuat sesuatu yang aku sendiri tidak sanggup melakukannya.”

“Aku tau kau seorang isteri yang baik, tapi kebaikanmu itu digunakan oleh orang lain untuk mempuras-perandakan rumah tangga mu.”

“Aku sudah cuba untuk meyakinkan diriku, tapi aku gagal...,” Hanim mengakui kelemahannya.

“Nim...kita melayari rumah tangga ini umpama berniaga, kadang-kadang untung dan tidak pula sedikit yang rugi oleh itu kita harus keras.”

“Aku belum berputus asa Zela, aku pasti abang Fauzi akan kembali juga.”

“Aku cuma dapat berdoa dan berharap agar impianmu itu menjadi kenyataan.”

Bagaimana pun harmoninya sebuah rumah tangga, jika muncul orang ketiga akan pasti mengundang kehancuran. Semua itu bagaikan sudah tercatat dalam buku jadual sebuah perjalanan hidup dalam rumah tangga. Malah perkara begitu bagaikan tidak boleh terpisahkan dari arus kehidupan dalam sebuah perkahwinan.

“Apa ertinya perkahwinan kita ini bang. Orang lain bahagia tapi kita...!”

“Jangan samakan diri kita dengan orang lain.”

“Jadi...Han ini siapa pada diri abang...?” Hanim sudah mulai berani.

“Jangan salahkan orang lain...!” Fauzi masih dengan egonya.

Dialog itulah yang sering berserabut dalam fikiran Hanim. Dia tidak merasa bersalah apa-apa. Tapi suaminya sangsi terhadap dirinya. Mereka sudah diijabkabulkan sebagai suami isteri yang sah. Apa lagi yang disangsikan...?

“Orang lelaki memang susah untuk mengerti, ego mereka melampau...!” Zela menikam tanpa berselindung untuk ego seorang lelaki.

“Aku tidak tau lagi apa yang harus aku lakukan sekarang.” Hanim masih mencari di mana punca keretakan rumah tangganya yang belum setahun jagung itu.

“Jangan-jangan Fauzi ada perempuan lain...?” Zela cuba menyerangkap jarang.

“Fauzi tidak mungkin berbuat begitu.” Hanim masih memahkotakan kesetiaan suaminya terhadap dirinya. Walaupun mahkota itu sudah mereng menunggu saatnya untuk jatuh dan bergolek ke mana-mana.

“Perkara yang kita fikirkan tidak mungkin itulah yang sering berlaku. Kau harus bijak berbuat sesuatu, jika tidak kau akan kecewa dan merana nanti.”

Hanim mula termakan sedikit kata-kata kawannya Zela. Barangkali benar Fauzi ada *affair* dengan perempuan lain, jika tidak masakan dia selalu keluar malam dan tidak pedulikan dirinya sebagai seorang isteri.

“Mengapa abang perlakukan Hanim begini bang. Apa salah Hanim terhadap abang...?”

“Selama ini Hanim mengkhianati abang.” Fauzi terlalu yakin.

“Apa maksud abang...?” “Tepuk dada Hanim sendiri...!” Fauzi macam tidak berdosa.

“Jangan burukkan lagi keadaan kita bang, yang retak cuma menanti belah.”

“Sekarang sudah pun berkecai dan hancur terhempas ke batu.”

“Semua ini cuma fitnah bang...!” Itulah buat pertama kalinya Hanim bersuara tinggi dan keras terhadap suaminya.

Lelaki yang bernama Fauzi itu tidak mudah hendak makan pujuk, walau dengan kata-kata yang berhias dengan bunga-bunga bahasa. Kepercayaanya kepada Hanim sudah hilang, dia lebih percaya pada orang ketiga dalam

hidupnya walau pun orang itu nyata-nyata telah menghancurkan kehidupannya. Fauzi tetap dengan keras kepala dan hati batunya itu.

“Kau kikis ingatanmu pada laki kau yang tidak berguna itu.” Zela menghukum.

“Tapi dia suamiku Zela.” Hanim masih taat pada suaminya.

“Kumbang bukan seekor Nim...!”

“Abang Fauzi jangan kau samakan dengan kumbang Zela.”

“Aku kira kumbang lebih punya hati dan perasaan dari laki kau itu.”

“Dia suamiku Zela...aku sangat menyintanginya.”

“Tapi dia telah melukakan hati mu dan sebentar lagi kau akan diperlakukannya sebagai barang mainan yang tak punya erti apa-apa.”

Itulah kata-kata akhir Zela pada Hanim satu ketika dulu. Hanim terfikir juga ada benarnya kata-kata Zela itu. Hingga sekarang dia cuma sebagai seorang penunggu yang diibaratkan seperti pepatah ‘umpama menunggu buah yang tak jatuh dan menunggu sungai yang tidak berhulu’.

Itulah yang bernama kehidupan. Kehadiran orang ketiga dalam hidupnya sekarang benar-benar menemui kehancuran. Ada orang berkata hidup ini sebuah drama dan dalam drama itu pula ada pertentangan, setiap pertentangan mau tidak mau akan memakan korban. Apa kah begitu yang sebenarnya realiti kehidupan kita sebagai manusia...!

Tidak ada apa lagi yang harus ditunggu dan dinanti oleh isteri yang malang ini melainkan keranapan dan kehancuran. Kekecewaan kian jelas dalam dirinya, tirai-tirai mesra dan tabir-tabir kasih serta lampu harapan semakin malap dan bila-bila saja akan padam untuk selamanya.

“Jangan seksa Han terus-terusan begini bang...!” Sebak dada Hanim.

“Siapa yang lebih seksa kau atau aku...?” Fauzi tetap angkuh.

“Abang berterus terang pada Han...siapa Han ini sebenarnya dalam hidup

abang...!”

“Aku memberikan bunga-bunga cinta sesuci dan seunggul cinta Adam terhadap Hawa. Tapi apa yang aku dapat...?”

“Han juga telah memberikan segalanya umpama apa yang diberikan Hawa kepada Adam.”

“Jangan kau perlekehkan cinta sesuci cinta mereka itu. Kau tidak layak...!”

“Adam dan Hawa juga manusia seperti kita, punya cinta hingga beratus-ratus tahun mempertahankannya.”

“Tapi kau curang...!” Bentak lelaki ego itu dengan kuat. Hanim terkejut lagi.

Apa kah Hanim betul-betul curang terhadap Fauzi suaminya yang tercinta dan sanggup sehidup semati seketika belum diijab-kabulkan dulu. Apakah yang telah dilakukannya menyebabkan Fauzi begitu ghairah dan bernafsu menuduhnya curang. Hanim merasakan tuduhan itu terlalu berat. Barangkali Fauzi tidak faham ertikata curang itu yang sebenarnya.

“Begini-begini pun aku masih anak dara tau, kau jangan menganggap aku yang bukan-bukan.”

“Aku bukan bermaksud begitu Nim.”

“Tak mengapa Zela aku akan rela menerimanya jika ini sudah ditakdirkan untukku.” Hanim benar-benar berserah diri kepada Allah.

Hari-hari yang dijalani Hanim merentasi hutan belukar kehidupan semakin penuh dengan duri dan onak serta ranjau dalam perjalanannya yang semakin tipis untuk menemukan sebarang titik penyelesaian. Semakin dicari rantis dan hujung jalan semakin tebal hutan dan belukar yang diredah.

“Kau jangan mimpi aku akan kembali. Dalam hidupku sekarang setitik raut wajahmu pun sudah tidak terlukis dalam hatiku.”

“Han tidak mengerti hidup yang macam apa abang kehendaki dari Han. Han sudah menjadi isteri abang.”

“Aku tidak menghendaki hidup yang berpura-pura”.

“Han tidak pernah berpura-pura dalam hidup kita. Sejak dulu hingga sekarang Han masih tidak berubah cuma minda abang yang selalu main kotor...!”

“Diam...!” Fauzi menjerit.

“Han sudah lama diam bang, tapi semua itu abang gunakan untuk menuduh Han yang bukan-bukan. Han tidak pernah berbuat curang tapi sebaliknya abang yang curang terhadap diri Han...!”

“Sekali lagi kau kata aku curang kau akan tau apa akibatnya nanti.”

“Apa yang abang rasakan Han juga merasakannya. Jika abang tidak mau dikatakan curang, Han juga tidak mau dituduh begitu.”

“Kau jangan cuba nak menegakkan benang basah semua itu akan sia-sia.”

“Memang jika hati seseorang itu sudah dirasuk iblis, dia tidak akan nampak apa-apa melainkan keburukan.”

“Aku sudah tidak ada apa-apa perhitungan dengan kau. Mulai saat ini aku ceraikan kau dengan talak tiga...!” Bergegar tiang arasy apabila perkataan itu dilafazkan. Satu lafaz yang benar-benar dibenci oleh Allah.

Berakhirlah penantian seorang isteri yang mengharapkan keruh menjadi jernih. Kelam bertukar terang dan kembali ke pangkal jalan setelah tersesat di hujungnya. Kaca yang sedia retak seribu kini pecah berjuta bertaburan dan berselerak umpama ketulan mutiara.

Kilauannya semakin bersinar apabila titik demi titik deraian air mata jatuh membasahi kepingan pecahan kaca yang sekali gus menghiris tali jantungnya hingga berdarah suai-suai yang tidak boleh dipantan lagi.

TAMAT

*Pelita Brunei keluaran 14 Mei 2014*

# *Diari Batrisya*



Oleh :

Nurul Husna Binti Mohd. Ali

27 Ogos 2010 - SELAMAT ulang tahun, Nurul Batrisya binti Haji Bazri! Ungkapan itu yang ku tunggu keluar dari mulut seseorang yang bergelar kawan kepadaku namun tidak ada seorang pun kawanku yang pernah mengungkapkan perkataan seperti itu kepadaku termasuk yang mengatakan bahawa aku ini adalah kawan baik mereka. Ucapan itu hanya dari ibu, ayah dan abangku. Bukan aku tidak pernah beritahu kawan-kawanku tentang tarikh hari lahirku tetapi mungkin hari lahirku ini bukan sesuatu yang penting buat mereka. Sewaktu kecil mungkin aku tidak perlukan kawan, tetapi sekarang aku sudah berumur 18 tahun dan semestinya aku harus punyai kawan baik. Walaupun ia cuma seorang. Tetapi.. biarlah. Mungkin belum masanya aku miliki seorang kawan baik. Mungkin suatu hari nanti. Mungkin...

14 September 2010 - Pagi itu aku masuk ke dalam kelasku. Seperti selalu kedatanganku tidak dihiraukan oleh classmatesku. Aku terus saja mengambil tempat dudukku iaitu di tempat duduk berhampiran dengan jendela. Aku hanya diam di situ sehingga guruku datang. Kemudian aku mulakan pembelajaranku pada hari ini.

Haryana mendekati aku dan menanyakan aku bagaimana untuk menyelesaikan soalan ini. Tanpa banyak bicara, aku menerangkan kepadanya.

Aku hanya tersenyum apabila Haryana terus berlalu sebaik aku menerangkan kepadanya tanpa mengucapkan terima kasih. Aku sudah terbiasa dengan perkara itu. Sejak aku berada di sekolah menengah lagi. Ah... biarlah!

20 Oktober 2010 - Hari ini aku akan menduduki peperiksaan akhir tahun bagi Menengah Enam Bawah. Aku berharap aku akan dapat menjawab setiap soalan yang diberikan. Dan semoga juga kawan-kawanku begitu.

3.00 Petang. Alhamdulillah, aku sudah berusaha seberapa mungkin. Sekarang aku hanya perlu bertawakkal kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Aku pulang ke rumah sebaik saja peperiksaan selesai. Aku perlu mengulangkaji untuk kertas peperiksaan yang selebihnya.

14 November 2010 - Peperiksaan ku sudah selesai seminggu lalu. Aku berdebar menunggu keputusanku. Di samping itu juga, aku tiba-tiba merasa sakit di bahagian kepala malah kebelakangan ini aku sering saja lupa akan sesuatu walaupun aku baru meninggalkannya tidak sampai lima minit. Ah, mungkin ini kerana akibat aku terlalu mengulangkaji dan tiada masa untuk menenangkan fikiran.

Soal kawan pula, aku merasa gembira. Kerana apa? Kerana kini aku sudah menemukan seorang kawan yang boleh ku jadikan teman semasa gembira dan juga sedih. Nama dia Khafidah. Dia dari kelas AII. Aku mengenalinya semasa hari kedua aku menduduki peperiksaan. Waktu itu aku berdiri di luar dewan. Aku ternampak ada seorang wanita yang sedang mencari-cari sesuatu di dalam beg sekolahnya. Aku menghampirinya.

“Kenapa?” soalku. Aku melihat wanita itu agak terkejut dengan teguranku.

Aku tersenyum lantas meminta maaf. Salah aku juga terus menegurnya tanpa memberi salam terlebih dahulu.

Dia membalas senyumanku. Dia mengatakan dia terlupa untuk membawa geometry set.

Aku lantas memberikan satu geometry set kepadanya dengan senyuman yang lebar. Kami sama-sama melangkah masuk ke dalam dewan untuk menghadapi peperiksaan Matematik.

Sejak saat itu, aku mula bersahabat dengannya. Dan sejak itu juga, aku terasa kegembiraanku datang. Aku berkongsi berbagai cerita dengannya sama ada perkara itu penting atau tidak. Bersama dengan Khafidah membuatkan aku dapat merasakan 'beginilah rupanya punya sahabat'.

3 Januari 2011 - Tarikh ini! Masuk hari ini kepalaku semakin sakit. Ayahku terus membawaku ke hospital untuk mengetahui tentang sakit kepalaku yang semakin kerap datang menyerang. Aku terus masuk ke dalam bilik doktor apabila namaku dipanggil oleh jururawat. Aku melangkah masuk ke dalam bilik sendirian kerana ayahku baru sahaja menerima panggilan dari tempat kerjanya untuk datang ke pejabat. Maklum, tempat ayah ku bekerja tidak mengira masa dan tempat.

Aku hairan apabila doktor menyuruh jururawat untuk membawa aku ke suatu tempat yang tidak aku ketahui tetapi yang pasti tempat itu adalah untuk memeriksa apa yang ada di dalam kepalaku. Doktor memberitahuku bahawa aku perlu datang ke hospital dua minggu dari sekarang untuk mengetahui keputusan mengenai pemeriksaan tadi. Aku hanya membiarkan hal itu kerana aku perlu menghadiri *reunion day* dengan sahabatku tingkatan lima dulu.

Gembiraku sukar untuk diluahkan apabila seminggu sebelum tarikh ini, aku di telefon oleh ketua kelas tingkatan 5B tentang perjumpaan kembali di antara kami tingkatan 5B. Nampaknya mereka tidak pernah melupakan aku walaupun dulu mereka tidak rapat denganku. Mungkin perjumpaan kali ini akan mengundang kegembiraan buatku dan mungkin juga inilah pertemuan terakhir aku dengan mereka.

Soal Khafidah pula, dia baru saja memberitahuku melalui telefon bahawa dia menyukai seorang lelaki bernama Abdul Waie. Ingin rasanya aku memberitahunya bahawa lelaki yang disukainya itu adalah abangku sewaktu dia menunjukkan wajah lelaki itu ketika berada di sekolah tetapi aku hanya membatakannya saja. Mungkin suatu hari, bila waktunya tiba. Dan apabila aku memberitahunya, dia pasti akan menjadi kakak ipar aku. Seronoknya bila itu jadi kenyataan.

5.00 petang - Aku mengetuk pintu rumah Nadhirah, ketua kelas aku dulu sebaik aku sampai. Aku diberitahu bahawa pertemuan ini diadakan di rumahnya manakala tahun lepas pertemuan 5B diadakan di rumah penolong ketua kelas 5B, Raziah. Aku tahu tentang hal itu bukan kerana aku ada sewaktu

pertemuan itu tetapi kerana aku tidak dijemput. Perkara itu ku ketahui apabila aku secara tidak sengaja mendengar perbincangan antara Sufri dan Waqi ketika berada di kelas Mathematics.

Nadhirah mempersilakan aku masuk namun tidak ada senyuman pun terukir di wajahnya. Aku memanggilnya. Dia menoleh dan bertanya. Aku mengatakan adakah aku tidak dialu-alukan datang ke situ. Dengan senyuman yang aku tahu tidak sepenuh hati itu, Nadhirah mengatakan bahawa dia cuma pening sahaja dan mempelawa aku masuk.

“Maafkan aku...” itulah ayat Nadhirah sebelum aku melangkah masuk ke dalam rumahnya. Aku tahu dia seorang yang baik. Buktinya ketika aku disisihkan sewaktu sekolah menengah dulu, dia sahaja yang mahu melayanku. Menemaniku pergi ke kantin tatkala aku tiada kawan untuk diajak, menyokong aku ketika aku dibuli Sufri. Tetapi kebbaikannya kepadaku sering ditegur oleh kawan-kawan dekatnya yang juga merupakan kawan sekelas ku dalam tingkatan 5B. Sejak saat itu, Nadhirah jarang berbicara kepadaku. Sebaliknya dia menjadi seperti kawanku yang lain. Yang hanya berbicara denganku ketika mereka ingin bertanya suatu soalan dan tanpa ucapan terima kasih, dia akan meninggalkanku. Seperti kawan-kawanku yang lain.

Airmataku terus merembes keluar tanpaku suruh sebaik aku melangkah masuk ke dalam rumah Nadhirah. Aku disiram dengan baldi yang berisi air. Aku pandang di sekeliling. Mereka tanpa rasa kasihan ketawa melihat keadaanku.

Aku lantas meninggalkan mereka tanpa suara. Ketika Nadhirah memegang tanganku, aku tersenyum memandangnya dan mengangguk. Walaupun airmataku masih mengalir, aku tahu tidak sepatutnya aku membiarkan dia merasa bersalah melihat keadaanku.

9.00 malam - “Terima kasih kawan-kawan. Kalian semuanya memang baik. Walau kamu semua tidak memberi aku kegembiraan dipertemuanku yang pertama dengan kalian setelah dua tahun aku tidak bersua dengan kalian semua, tetapi sekurang-kurangnya aku tahu, aku wujud dalam kehidupan kamu. Dan aku bangga kerana aku dapat memberikan tawa kepada kamu semua. Aku tidak akan mengatakan ini satu penganiayaan tetapi aku akan katakan ini satu hadiah, kerana kamu sedar akan diriku. Tidak seperti kita di kelas dahulu. Kalian hanya bersuara denganku bila kalian ada soalan dan pergi meninggalkanku tanpa ucapan terima kasih. Sekali lagi terima kasih kawan-kawan kerana hari ini aku baru merasa bahawa kamu sebenarnya sedar akan kewujudanku tetapi

kalian tidak memperdulikannya. Tetapi aku faham, untuk apa kalian ingin memperdulikanku sedangkan kalian masing-masing punya sahabat sendiri.

Aku perlu sedar tentang satu hal. Aku tidak boleh memaksa kalian untuk menyukaiku bila tiada sebab untuk aku disukai. Maafkan aku sekiranya aku ada bersalah dengan kalian semua. Dan ucapan terakhirku, terima kasih untuk segala-galanya kawan-kawan.”

Aku ingin luahkan ucapan seperti ini sewaktu pertemuan itu tetapi aku tidak mahu *reunion day* itu menjadi bosan dengan kata-kataku sebegitu lalu aku biarkan saja. Aku yakin, mereka hanya ingin menghiburkan hati masing-masing dengan menjadikan aku bahan untuk diketawakan.”

4 Januari 2011 - HARI ini hari pertama aku kembali ke sekolah dan secara rasminya aku akan menjadi pelajar tingkatan enam atas. Memang senang rasa hati ini sebab tahun ini lah aku akan menduduki peperiksaan besar A Level. Aku akan berusaha untuk berjaya dan aku ingin belajar sampai ke Universiti. Aku nak sampaikan cita-cita aku nak jadi pensyarah. Pensyarah Batrisya! Cantik kan nama aku bila ada gelaran Pensyarah kat depan tu?? Hehe.. perasan lah pulak..

Tiada yang istimewa hari ni. Sama saja rutin yang biasa aku lakukan di dalam kelas seperti aku berada di tingkatan enam bawah tahun lalu. Cuma yang membezakannya adalah guru-guru ku memberikan harapan tinggi kepada kami untuk berusaha dan sentiasa mengikut apa yang disuruh mereka. Dan jangan lupa untuk sentiasa melakukan sembahyang sunat hajat selepas sembahyang Isya'. Aku akan jadikan pesanan guruku itu sebagai penyuntik semangatku. InsyaaAllah.

Khafidah. Sejak pagi lagi aku menunggu kedatangannya. Memandangkan aku sekelas dengannya subjek Matematik dan subjek itu di waktu petang, maka aku tidak bertemu dengannya waktu pagi. Sekarang ini waktu pelajaran Biologi, cikgu aku pasti akan masuk sekejap lagi. Okay lah, nanti aku cuba ceritakan cerita yang menarik yang terjadi pada aku lagi.

8.00 malam - Lepas saja *lunch* tengah hari tadi, aku masuk dalam kelas Matematik. Aku tidak sabar menunggu kedatangan Khafidah. Aku mahu menceritakan kepadanya tentang perbuatan kawan-kawan aku dulu terhadapku. Beberapa minit ku tunggu, kelibat Khafidah sudah kelihatan. Aku ingin menegurnya tetapi sebaik saja dia melangkah masuk, dia menjelingku. Aku

hairan kenapa dia sebegitu. Aku memanggil namanya tatkala dia melangkah menuju ke meja yang jauh dari meja ku. Dia duduk di situ.

Aku bangun dari tempat duduk ku dan menuju ke arahnya. “Kenapa Fidah?” itulah soalan pertama yang ku ajukan kepadanya. Soalan yang aku rasa boleh dijawab olehnya memandangkan semalam dia yang menghantar SMS yang mengatakan dia ada cerita ingin dikongsikan kepadaku. Tetapi sekarang dia berubah tanpa aku tahu sebabnya.

Airmata aku hampir mengalir tadi apabila Khafidah bersuara. “Aku tak nak kawan dengan orang yang makan kawan dan tikam kawan dari belakang”. Itulah ayat yang menyedihkan aku. Aku tidak tahu kenapa Khafidah mengeluarkan perkataan sebegitu. Sepanjang aku mengenalinya, aku cukup menjaga hatinya. Sedaya upaya aku cuba membuatnya gembira bila aku menjadi kawannya tetapi kenapa dia mengatakan aku cuba menikamnya dari belakang? Apa salahku??

7Mac 2011 - HARI ini sudah masuk tiga bulan satu hari Khafidah mengelakkan diri dariku. Aku tidak tahu kenapa. Bila aku cuba menghampirinya untuk bertanya, dia melarikan diri. Aku tertanya-tanya apa salahku. Jika aku ada salah, aku ingin meminta maaf dengannya. Aku sanggup walaupun seribu kali asalkan dia kembali semula menjadi sahabatku kerana hanya dia yang mahu melayan karenahku. Tetapi aku rasa mungkin itu tidak akan kembali kerana lagi kerana dia sudah membenciku!

Aku tidak tahu kenapa tetapi sejak bulan lalu, sakit kepalaku semakin menjadi-jadi. Pandanganku juga kadang kala menjadi kabur. Sampai sekarang, aku tidak tahu apa sebenarnya sakit yang ku alami. Mungkin ini salahku juga, doktor pernah memberitahuku untuk berjumpanya setelah dua minggu dari tarikh aku diperiksa, kira-kira tiga bulan lalu. Tetapi aku tidak datang kerana tarikh itu juga adalah merupakan tarikh di mana kawanku sewaktu sekolah menengah membuat reunion yang pertama dan terakhir bersamaku. Kenangan yang sukar untuk ku lupakan!

Hari ini merupakan tarikh lahir Khafidah. Aku membuat kejutan kepada Khafidah di luar rumahnya. Tetapi kejutan itu berubah menjadi kesedihan.

Khafidah menampar mukaku. Aku masih ingat lagi kata-katanya pada waktu itu. “Aku tak suka kau bagi aku kejutan macam ni. Jangan ingat aku pernah rapat dengan kau, selamanya kita akan macam tu. Aku tak suka nak

berkawan dengan kawan makan kawan macam kau ni. Dah lah tu, suka tikam dari belakang. Mulai hari ni, kau dengan aku bukan kawan, sahabat atau pun teman. Aku tak nak kau tegur aku lagi walaupun dekat sekolah. Kau faham tak??”

Walaupun ayatnya sebegitu aku tahu dia tidak bermaksud apa-apa. Oleh kerana itu, aku masih cuba menegurnya sehingga hari ini tetapi yang aku dapat hanya jelingan darinya. Mungkin aku harus berhenti menganggunya. Yang perlu aku lakukan sekarang ni adalah fokus untuk peperiksaan yang akan datang bulan Jun ini.

28 Mac 2011 - SESUATU yang harus aku terima dengan redha pada hari ini. Aku disahkan menghidap penyakit barah otak oleh doktor yang memeriksaku dahulu selepas aku bertemu semula dengannya pada hari ini kerana keadaan sakit kepalaku yang semakin kuat menyerangku dua tiga hari lalu. Aku cuba bertanya doktor apa yang perlu aku lakukan untuk menyembuhkan penyakitku ini tetapi sayang, doktor mengatakan penyakitku ini sudah berada di tahap yang terakhir.

Aku tidak menyembunyikan tangisanku saat itu. Aku menangis semahumahnya di hadapan doktor. Sempat aku berpesan pada doktor agar tidak memberitahu penyakitku ini kepada keluargaku. Aku tidak mahu mereka mengetahui tentang hal ini. Aku yakin, jika mereka tahu, pasti mereka akan bersimpati denganku. Aku tidak mahukan simpati mereka.

Sisa hidupku ini, aku akan habiskan waktuku untuk mendekati-Nya dan membuat kebaikan dengan semua orang. Dan aku juga perlu meminta maaf dari semua orang. Ya! Aku rasa perlu. Kerana itu, aku akan cuba bermula dengan Khafidah.

16 April 2011, 12 tengah hari - Aku masih setia menunggu di tempat letak kereta sebaik aku datang ke sekolah pukul 7 pagi tadi. Aku yakin, Khafidah pasti akan parking di situ dan tekaanku tepat. Walaupun baru tiga hari aku mengenalinya waktu itu, aku sudah faham dengan perangai Khafidah. Jika dia hendak parking, akan memakan masa lima minit. Disebabkan itulah aku sering mentertawakannya. Tapi kini tidak lagi. Aku memandangnya dengan rasa sedih yang tiba-tiba hadir. Di hatiku berdetik dengan tiba-tiba, “adakah ini pertemuan terakhirku dengannya?” Ketika dia keluar dari kereta, aku menghampirinya. Saat dia melihat wajahku, Khafidah cuba mempercepatkan langkahnya. Dengan kudratku, aku dapat menghalangnya. Aku cuba mencari kekuatan selama

sebulan sebelum aku dapat meluahkan apa yang ingin ku sampaikan dan hari ini aku baru mendapatkannya.

“Kau siapa nak halang jalan aku ni?” tengkingan Khafidah tadi pagi itu masih difikiranku. Bahkan, aku masih ingat setiap apa yang dia katakana padaku. Waktu itu yang hanya mampu aku lakukan adalah menahan airmata yang hampir menitis. Aku perlu menyatakan apa yang harusaku katakan sebelum terlambat. Khafidah kaku di situ lantas aku suarakan luahanku.

“Fidah, aku ingin minta maaf jika sepanjang persahabatan kita aku ada buat salah dengan kau dan...”

“Kau dengar sini. Aku anggap kau kawan baik aku selama ini tapi aku tak sangka kau sanggup khianati aku. Aku pernah beritahu kau yang aku suka dengan Waie dan nak luahkan perasaan pada dia. Aku janji yang aku akan ceritakan semuanya pada kau sebaik aku meluahkan perasaan aku pada Waie. Tapi apa yang aku dapat? Bila aku beritahu, Waie cakap yang dia suka kau dan kau suka dia. Korang berdua dah lama suka sama suka dan korang berdua dah *couple* selama ni. Trisya.. kenapa kau buat macam ni? Kenapa kau sanggup khianati aku? Kenapa???”

Yang dapat ku lakukan saat itu hanya diam. Pagi tadi aku baru tahu kenapa Fidah tidak menegurku sejak tiga bulan lalu. Semuanya berpunca dari Waie, abang kandungku sendiri. Abang Waie yang tua setahun dengan aku memang sering menganggap aku ini adalah kekasihnya di hadapan orang yang ingin menguratnya. Walau berkali-kali aku marah dengan Abang Waie, dia tetap menggunakan helah itu. Dan Abang Waie menggunakannya kepada Fidah. Fidah, kawanku yang tidak tahu tentang hal aku mempunyai seorang abang kerana Abang Waie menyuruh aku menyembunyikannya supaya senang dia untuk mempergunakan namaku. Dan kerana rasa kasih kepada seorang abang, aku sebagai adiknya bersetuju.

Aku ingin menerangkan semuanya pada Khafidah namun belum sempat aku berterus terang, Khafidah terus berlalu meninggalkan aku sendirian di tempat letak kereta itu.

9.00 malam - Usai saja aku makan malam sebentar tadi, aku menemui keluargaku. Ibu, ayah dan juga abang. Aku memberitahu mereka bahawa aku minta maaf tentang setiap salah dan silapku pada mereka. Awalnya mereka

ketawa. Begitu juga aku. Namun bila aku meminta maaf dari mereka buat kali ketiga, mereka dengan wajah yang hairan bertanya kenapa perangaiku agak pelik. Aku hanya tersenyum menjawab pertanyaan mereka. Kemudian aku bersalam dengan mereka dan memeluk mereka selama mungkin. Mereka hanya menurut walaupun aku tahu di hati mereka pasti timbul satu tandatanya. Aku mengatakan aku menyayangi mereka sebelum aku masuk ke dalam bilik dan menulis di dalam buku diari ini.

Hatiku belum puas kerana aku belum meluahkan apa yang sebenarnya kepada Khafidah, satu-satunya kawan baik yang ku ada. Tapi bagaimana caranya? Dia seakan tidak mahu bersemuka denganku malah tidak ingin mendengar bicaraku. Dan yang lebih aku takutkan, aku tidak lagi dapat berjumpa dengannya. Tidak apa, aku akan luahkan apa yang ingin aku sampaikan kepadanya melalui buku ini. Sekurang-kurangnya, ibu, ayah atau abang aku akan menyampaikannya kepada kawan-kawanku.

Assalamu'alaikum Waramatullahi Wabarakatuh,

Buat keluarga, tujuan Trisya menulis semua ini adalah kerana Trisya ingin meminta maaf kepada ibu, ayah dan Abang Waie sekiranya Trisya mempunyai salah dan silap sepanjang Trisya menjadi anak dan adik dalam keluarga ini. Trisya bahagia berada dalam keluarga ini. Ibu, ayah dan Abang Waie menjadikan Trisya merasa dihargai.

Tujuan Trisya menulis surat ini adalah kerana ingin memohon maaf pada semua yang mengenali Trisya. Trisya harap, ibu, ayah atau Abang Waie dapat menyampaikan ucapan maaf Trisya pada kawan baik Trisya, Khafidah. Beritahu padanya yang Trisya tak pernah ada niat nak mengkhianatinya. Trisya terlalu menyayangi persahabatan kami berdua kerana sepanjang kehidupan Trisya, Khafidah adalah orang pertama yang memahami tentang Trisya. Trisya ada menyimpan hadiah yang Trisya ingin berikan pada Khafidah sewaktu hari jadinya dulu. Itulah saja kenangan yang dapat Trisya berikan pada Khafidah.

Dan buat kawan-kawan Trisya sewaktu sekolah dulu, terima kasih untuk segalanya. Walaupun sewaktu itu adalah pertemuan terakhir kita, tapi ia tetap kenangan terindah yang Trisya takkan lupakan. Trisya ingin memohon maaf atas setiap kesalahan yang Trisya lakukan sepanjang perkenalan kita.

Untuk ibu, ayah dan Abang Waie.. maafkan Trisya kerana menyembunyikan penyakit barah otak yang Trisya hadapi. Trisya sayang semuanya.

Salam sayang,

BATRISYA KHAFIDAH menutup buku diari itu dan menyimpan ke dalam almari kecilnya. Airmatanya yang menitis segera dikesatnya. Itulah rutin yang dilakukan Khafidah setiap malam sejak kepergian Batrisya lima tahun lalu. Rasa rindu mula menguasai dalam diri Khafidah.

“Batrisya, maafkan aku. Jika aku tahu sewaktu di parking hari tu adalah pertemuan terakhir, aku takkan ikut nafsu amarahku. Aku akan minta maaf dengan kau. Aku akan peluk kau puas-puas” bisik hati Khafidah. Airmatanya jatuh lagi. Semakin cuba ditahan, semakin lebat keluarinya.

Khafidah membaringkan dirinya di atas katil empuk. Matanya seakan tidak mahu melabuhkan tirainya. Jika dia ingin menutup mata, bayangan wajah Batrisya seakan muncul. Namun, apabila wajah Batrisya hilang kemudiannya di ganti dengan kenangan pertemuannya dengan Waie, lelaki yang disukainya dan juga merupakan abang kepada Batrisya dua tahun lalu kembali diingatannya.

“Assalamu’alaikum,” sapaan seseorang hanya dibalasnya di dalam hati.

“Boleh saya duduk sini?” soal lelaki itu. Khafidah hanya mengangguk. Waie mengambil tempat duduk di sebelah Khafidah.

Waie memandang Khafidah yang menunduk. “Awak kena relakan kepergian Trisya. Kepergiannya bukan salah awak. ALLAH dah tetapkan ajal dan jodoh pada setiap hamba-hambaNya,” Waie memulakan bicaranya.

Khafidah diam. Tisu yang berada di tangannya segera mengesat airmatanya yang tidak berhenti-henti sedari tadi. Walaupun baru seminggu kepergian Batrisya, namun dirasakannya baru semalam. Dia masih ingat bagaimana rasa tidak percayanya bila Waie menelefonnya memberitahu bahawa Batrisya sudah meninggal dunia. Waie membawa Khafidah ke kubur Batrisya keesokan harinya dan dengan tidak semena-mena, airmata Khafidah terus bercucuran. Rasa bersalahnya mula menular dalam dirinya. Sebagai kawan baik, dia tidak cuba bertolak ansur dengan Batrisya malah dia ego untuk mendengar penjelasan Batrisya waktu itu.

“Batrisya suruh saya berikan pen ini pada awak. Dan saya nak berikan awak buku ini,” ujar Waie sambil menghulurkan buku yang bertulis nama Nurul Batrisya di luar kulit buku itu.

Perlahan-lahan Khafidah mengambil. Dia membuka buku itu dan melihat isi di dalamnya.

“Buku diari?” soal Khafidah.

Waie mengangguk. “Itu buku diari Batrisya. Segala apa yang dia rasa, dia ada tulis di situ.

Di dalam buku tu, banyak tentang awak dan dia,” jelas Waie. Khafidah diam. Tidak tahu untuk berkata apa lagi.

Pen di tangannya dilihatnya. Dia masih ingat pen itu adalah pen yang dimahukannya sewaktu dia dan Batrisya pergi membeli belah dulu. Buku diari Batrisya di genggamnya sekuat mungkin. Cuba membayangkan bahawa dia sedang memeluk Batrisya.

“Saya bukan kawan yang baik. Saya tak dengar pun penjelasan dia waktu itu. Saya hanya tahu marahkan dia kerana dia rampas orang yang saya sukai. Tapi, rupanya..dia...” Khafidah tidak menghabiskan bicaranya. Sebak adanya setiap kali mengingati bagaimana dia sering mengatakan Batrisya seorang kawan yang tidak baik.

Waie yang melihat Khafidah mula merasakan sesuatu.

“Awak tak perlu bersalah. Saya yang bersalah sebenarnya. Kalau tak kerana saya asyik minta dia sembunyikan identitinya sebagai adik saya perkara macam ni tak akan jadi. Sekurang-kurangnya awak dan dia masih berkawan. Saya bukan seorang abang yang baik. Saya tak tahu perasaan dia selama ini. Saya abang yang tak bertanggungjawab,” ujar Waie dengan nada sedih.

Suasana antara mereka senyap. Yang ada hanya bunyi burung berkicauan. Masing-masing melayan perasaan mereka. Masing-masing mencuba mengenangkan setiap yang mereka lalui bersama Batrisya dulu.

\*\*\*\*\*

KHAFIDAH membelek jam tangannya. Dia terkejut menerima panggilan dari Waie awal pagi tadi yang mengatakan hendak bertemu dengan dirinya tengah hari ini. Khafidah memandang orang ramai yang lalu di hadapannya.

“Kenapa Waie ingin bertemu denganku? Di taman pula tu,” omel Khafidah sendirian.

Tiba-tiba Khafidah terfikir sesuatu. “Entah-entah ada terjadi dekat ibu dan ayah. Ya Allah, selamatkan keduanya walau di mana mereka berada,” doa Khafidah kepada orang tua Waie.

Sejak arwah Batrisya pergi, Khafidahlah yang menjadi pengganti sebagai anak kepada ibu bapa Waie. Dia ingin menjadikan kedua orang tua Waie sebagai orang tuanya sendiri setelah kepergian kedua orang tuanya seminggu selepas Batrisya meninggal dunia. Dia bersyukur kerana kedua orang tua Waie begitu baik dengan dirinya walaupun dia cuma anak angkat mereka.

“Assalamu’alaikum.” Khafidah menoleh ke belakang. Bila dia ternampak Waie sedang tersenyum kepadanya, dia membalas.

“Wa’alaikumussalam.”

“Dah lama sampai?”

“Tak adalah lama mana, sepuluh minit saja.”

“Maaf, buat awak tunggu-tunggu.”

Khafidah hanya tersenyum.

“Sebenarnya saya nak jumpa awak ni sebab ibu,” ujar Waie.

Khafidah lantas bersuara. “Kenapa dengan ibu??” Wajahnya Nampak gusar.

“Tak, ibu tak ada apa-apa. Cuma.. ibu suruh saya kahwin,” jelas Waie. Khafidah terkejut. Dia tidak tahu hendak buat apa. Apa hak dia hendak menghalang? Walau dia akui dia masih mencintai Waie sehingga ke hari ini, dia

masih tidak berpeluang untuk meluahkan. Lagi pula sekarang dia tidak mahu terlalu mengharap pada Waie. Cukuplah pengalaman masa lalu mendewasakan dirinya. Kerana ego dan rasa ingin memiliki, dia sanggup kehilangan seorang kawan yang baik.

“Oh, baguslah kalau macam tu. Awak pun dah berumur 26 tahun. Dah memang patut pun nak kahwin. Ibu mungkin dah ada calon yang sesuai untuk awak,” Khafidah bersuara.

Waie memandang Khafidah. “Macam mana saya nak terima calon pilihan ibu kalau saya dah ada calon pilihan saya sendiri?”

Khafidah diam. Dia cuba memberi jawapan yang berasaskan akal fikiran dan hati, bukan hanya satu dari keduanya. “Kalau awak tak nak kahwin dengan pilihan ibu, awak boleh beritahu ibu yang awak dah ada pilihan hati sendiri. InsyaaAllah, saya yakin.. ibu pasti akan faham.”

“Kalau ibu setuju dengan pilihan saya pun, saya tak tahu wanita pilihan saya tu akan setuju,” ujar Waie.

Khafidah tersenyum. “Awak kena cuba dulu. Belum cuba belum tahu.”

“Baik. Saya cuba sekarang.”

“Sekarang?” desis hati Khafidah.

Waie sudah berdiri di hadapannya. Khafidah mengerutkan dahi. Khafidah jelas terkejut apabila Waie menghulurkan sebentuk cincin kepadanya. “Apa semua ni?”

“Saya dah menunaikan solat istikharah kerana ingin tahu adakah awak wanita yang layak menjadi pendamping saya dan Alhamdulillah, setiap mimpi saya awak yang muncul. Saya nak beri awak cincin ini. Kalau awak terima, bererti awak terima saya untuk jadi pendamping awak.” Khafidah diam. Berat untuk dia memberi keputusan atas lamaran Waie.

“Khafidah. . .” panggil Waie.

“Saya.. saya tak boleh terima. Maafkan saya. Saya rasa lebih baik awak ikut cakap ibu untuk terima pilihan dia.” Khafidah bangkit dari bangku dan

berjalan beberapa langkah membelakangi Waie yang sedang duduk.

“Saya rasa tak ada beza kalau saya terima pilihan ibu sebab.. pilihan ibu itu adalah...awak.”

Khafidah tergamam. “Aku? Pilihan ibu untuk Waie adalah aku? Tapi kenapa?”

“Ya, Fidah. Ibu rasa hanya awak layak menjadi permaisuri hidup saya. Saya tahu mungkin awak susah hendak terima saya kerana masih dibayangi rasa bersalah terhadap arwah. Tapi percayalah, kalau arwah masih hidup, pasti dia suka dengan keputusan yang saya lakukan,” jelas Waie.

Khafidah memandang cincin yang berada di tangan Waie. Perlukah aku terima? Layakkah aku? Aku wanita yang pernah membuatkan adiknya sedih dan tanpa sempat aku meminta maaf pada dia, dia telah pergi untuk selamanya. Desis hatinya.

“Maaf. Saya tak boleh.”

“Kenapa?” soal Waie. Khafidah diam. “Sebab Batrisya?”

Khafidah mengeleng. “Habis tu?”

“Walau sampai sekarang saya masih mencintai awak, tapi saya..saya tak yakin boleh jadi isteri yang baik buat awak. Sedangkan saya sebagai seorang kawan pun masih tak mampu jadi yang terbaik.”

Waie tersenyum. “Awak bukan tak mampu. Awak sebenarnya ditemani oleh keegoan dan kemarahan waktu tu. Sebab tu awak tak boleh fikir dengan baik. Tapi saya yakin, sebenarnya arwah sangat sayang dengan awak kerana apa? Kerana awak seorang yang baik.”

“Puji ke sindir?” soal Khafidah.

Waie ketawa. Lucu pendengarannya mendengar soalan Khafidah. “Awak rasa?”

“Saya rasa itu pujian tak ikhlas,” balas Khafidah diiringi senyuman.

“So, apa jawapan awak untuk lamaran saya tadi?”

Khafidah diam. Sebelah hati kata setuju sebelah lagi masih berfikir.

“Kata orang tua dulu, diam tu tanda setuju.”

Khafidah tersenyum.

“Mari saya bawa awak jumpa ibu. Ibu pasti suka dengar berita ni.”

Waie bersuara lantas menarik tangan Khafidah untuk mengikutnya. Gembira rasa hatinya apabila lamarannya di terima oleh Khafidah. Khafidah hanya tersenyum.

“Batrisya, aku harap dengan keputusanku ini akan dapat menunaikan janjimu sebagaimana yang kau pernah tulis dalam diari kau bahawa kau ingin melihat aku menjadi kakak ipar kau. Aku sayang kau, Batrisya. Aku sayang kau.”

TAMAT

*Pelita Brunei keluaran 06 Julai 2014*

# LARI



Oleh :  
Maya Brunei

**I**ZAH mendesak Alif agar bertindak cepat sebelum perkara yang tidak diinginkan berlaku, Alif tambah bingung apabila Izah sudah sampai ketahap memaksa agar Alif bertanggungjawab. Tanggungjawab apa...?

Tuntutan Izah itu terlalu berat untuk dibayar oleh Alif, apa lagi untuk membawa Izah lari dan bernikah di luar negeri mustahil dan ini tidak akan terjadi. Tapi Izah beria-ia minta pertanggungjawaban daripada Alif.

“Bawa Izah lari dari sini bang...” rasa hendak tercabut tangan Alif ditarik-tarik oleh Izah.

“Lari ke mana...?” Alif terpinga-pinga kerana tidak tahu pokok pangkal cerita yang mendadak itu.

Alif dan Izah sebenarnya tidak mempunyai hubungan yang disebut cinta, barangkali Izah sengaja hendak menjebaknya untuk menutupi sesuatu kejadian yang buruk. Tapi tidak mungkin Izah sanggup berbuat khianat kepadanya.

“Tolonglah bang...kita nikah di luar negeri...!” teriak Izah, nada suaranya begitu menyakinkan sepenuh hati berharap kepada Alif.

Benteng kesabaran Alif sudah pecah kerana desakan Izah yang bertubi-tubi itu, Alif tidak mahu diperkuda-kudakan dan membiarkan harga dirinya tercemar yang cuma kerana seorang wanita yang bernama Izah.

“Aku tidak menyintai kau, Izah...!”

Izah macam adiknya dan Alif pula macam abang kepada Izah, itu yang ada selama ini dalam fikiran mereka, tapi sekarang sudah lain. Izah menagih sesuatu yang bukan menjadi tanggungjawab Alif.

Alif sudah tidak tahan dengan perlakuan Izah yang seperti dirasuk iblis itu, Alif tidak mahu orang lain tahu apa yang diinginkan oleh Izah itu. Alif terpaksa menutup mulut Izah dengan satu tamparan sulung.

Izah tersungkur ke lantai dan Alif pula jatuh dari atas katilya. Mujurlah semua itu cuma mimpi, kalau betul-betul terjadi ia pasti akan menjadi satu kes dera dan akan menjadi titik-titik hitam dalam hidup Alif. Tapi mengapa Alif mimpikan Izah...?

Alif beristighfar dia merasakan apa yang berlaku dalam mimpinya itu benar-benar terjadi. Dari kecil hingga sama-sama dewasa Alif tidak pernah menyakiti hati Izah, apa lagi menampar seperti dalam mimpinya itu.

Cerita hidup Alif yang pertama sudah pun habis, sekarang cerita hidup Alif yang kedua ini pula nyata dan benar, ayahnya menyuruh Alif balik kampung hujung bulan Jun ini. Sebut saja Jun Alif teringatkan tarikh lahirnya yang jatuh pada 30 Jun 2012. Apakah ayahnya bermurah hati untuk meraikan hari lahirnya, satu soalan yang mahal.

Lebih setahun Alif tidak balik kampung sejak emaknya meninggal dunia dua tahun lalu. Alif marah berabis kerana ayahnya kawin baru, Alif marah bukan kerana ayahnya kawin dengan pembantu rumah jirannya itu, tapi apa yang mengguris hati Alif ayahnya naik pelamin baru tujuh bulan ditinggalkan emaknya.

Pada mulanya Alif mahu melupakan saja panggilan ayahnya itu, tapi dia bimbang juga apa sebenarnya yang berlaku kepada ayahnya di kampung. Apapun yang telah dilakukan oleh ayahnya jika Alif berfikir dengan tenang dan dewasa, pasti tidak akan menimbulkan masalah.

Kalau sekadar ibu tirinya sakit belum cukup syarat untuk Alif bergegas balik kampung. Ataukah ayahnya sendiri yang sakit, kalau sangkaanya itu benar, amat berdosa dia mengabaikan kesejahteraan ayahnya sendiri. Bagaimana jika dia sendiri yang menjadi ayah satu masa nanti...?

Esok Alif akan balik kampung dan mengetahui apa yang sebenarnya terjadi. Jejarinya cepat menekan nombor-nombor mobile untuk mengirim mesej kepada bapanya dan malam ini Alif akan berehat sekali gus memadam segala fikirannya yang negatif itu.

Baru beberapa minit Alif meleapkan matanya, bunyi ketukan pintu yang bertubi-tubi itu singgah di telinganya. Alif bangun dan mengamat-amati dari mana bunyi ketukan itu, nyata ketukan itu datangnya dari luar pintu rumahnya. Dengan cepat Alif mengambil benda keras untuk mempertahankan dirinya. Nada ketukan itu amat kuat dan mencemaskan, tapi ia sangat menyakinkan bahawa ketukan itu bukan kecemasan mahupun membahayakan. Demi saja pintu terbuka nyata seorang wanita terus masuk dan meminta perlindungan kepadanya.

Alif cepat menutup pintu setelah dia pasti tidak ada orang yang nampak apa yang berlaku itu, sebagai seorang yang bukan mahram pasti mengundang padah jika orang nampak mereka cuma berdua-duaan dalam sebuah rumah, apa lagi pada waktu malam pasti mereka akan dituduh berkhawat.

“Izah..mengapa kau lakukan ini..?”

“Lindungilah Izah, bang...”

“Apa sebenarnya yang berlaku, cara yang kau lakukan ini berbahaya tau...!”

“Izah hendak dikawinkan dengan orang tua bang...” suara Izah terputus, mereka pandang memandang satu sama lain.

Bunyi ketukan dari luar bertalu-talu lagi, kali ini betul-betul ada bala yang akan menimpa mereka di malam yang malang itu. Alif cemas... Izah ketakutan, Alif habis fikir menyuruh bersembunyi di bilik mandi tapi Izah berkeras. Dalam kekelutan itu Alif hilang sabar lantaran berteriak memaksa Izah bersembunyi di bilik mandi.

Dengan satu teriakan yang kuat cukup untuk memenuhi ruang bilik tidurnya yang kecil itu, bahana lontaran suara Alif itu berjaya mengejutkannya dari tidur lena yang menjanjikan esok pagi-pagi dia akan balik kampung menemui ayahnya. Spontan ketukan yang bertalu-talu itu hilang bersama kecaian mimpinya yang aneh itu.

Matahari sudah meninggi, Alif berkemas hendak balik kampung atas desakan ayahnya. Sepanjang perjalanan macam-macam yang terpeta dan jelas dalam fikiran Alif apa sebenarnya yang diinginkan oleh ayahnya sehingga berharap sangat akan kedatangannya itu.

Kereta Alif sudah tersadai di halaman rumah ayahnya, tidak ada apa-apa perubahan masih biasa seperti dahulu, cuma ada sebuah kereta baru mungkin milik ibu tirinya. Alif perlahan-lahan keluar dari keretanya dengan dibebani oleh pelbagai kemungkinan. Kalau ayahnya sakit ataupun apa-apa, tentu ramai orang yang datang menziarahinya.

Sedang Alif membilang-bilang apa yang berlaku dan belum sempat kakinya menjejak tangga pertama rumah bapanya, Alif terkejut apabila nampak Izah dari rumah itu sambil tersenyum kepadanya tanpa sepetah katapun.

Belum sempat Alif bertanya mengapa Izah berada di situ, tiba-tiba muncul pula bapanya di jendela dan menyuruh Alif naik. Alif mencium tangan bapanya dan duduk atas kerusi yang pernah menjadi tilam tidurnya di rumah itu.

“Apa halnya ayah panggil Alif balik” tanya Alif tidak sabar.

“Ayah hendak mengadakan majlis kesyukuran atas kelahiran adik kau yang baru” Ayahnya berasa bangga kerana masih boleh menambah zuriat.

“Kalau cuma itu tidak payah ayah panggil Alif balik,” bantah Alif.

“Ayah juga akan melangsungkan majlis akad nikah...” tepat dan padat.

“Mengapa ayah tidak berunding dengan Alif dulu, ini bukan perkara main-main ayah.” Alif membantah macam dia tahu apa yang ada dalam otak kepala ayahnya yang berusia lagi satu minggu menerima bayaran pencen umur tua itu.

“Kerana bukan perkara main-main itulah ayah lakukan ini.” Ayahnya pula macam tahu apa yang dimaksudkan oleh Alif.

“Alif belum bersedia ayah...”

“Kau tidak perlu bersedia yang hendak nikah itu ayah...!”

“Ayah nak kawin lagi?” macam tidak percaya walaupun Alif tahu ayahnya selama ini tidak pernah berbohong.

“Ayah kawin dengan Izah...”

Cuma dengan empat perkataan sudah cukup untuk membuatkan biji mata Alif seolah terkeluar macam kartun. Alif tidak menyangka Izah yang sering datang dan mengajak lari dalam mimpinya itu adalah satu petanda awal yang menyatakan Izah akan menjadi ibu tiri Alif yang kedua.

TAMAT

*Pelita Brunei keluaran 22 November 2014*

# *Sebuah Kasih Yang Hambar*



Oleh :  
Mardiah Haji Abdul Gapar

**H**ARI itu Rasiah menerima berita yang Zaitun telah kembali ke rahmat Allah. Khabar itu disampaikan oleh adiknya melalui telefon. Zaitun adalah isteri kepada Haji Salihin yang bersaudara dengan suami Rasiah. Zaitun pula kawan sekampung Rasiah semasa mereka tinggal di pekan kecil dulu. Zaitun suka bergaul dengan siapa saja asalkan orang itu suka padanya. Zaitun punya tiga orang anak dua lelaki dan seorang perempuan. Tiga tahun yang lalu Rasiah berjumpa Zaitun di satu majlis perkahwinan Zaitun bercerita pada Rasiah yang dia baru enam bulan pulang dari negara jiran kerana menjalani perubatan di sana. Rasiah bertanya Zaitun sakit apa. Dengan wajah yang sedih Zaitun memberitahu yang dia telah menghidap barah pangkal rahim. Zaitun hampir menangis ketika menyampaikan berita itu pada Rasiah. Dengan rasa simpati Rasiah mendakap badan Zaitun yang dulunya begitu berisi dan sangat mempesona mata yang memandangnya. Ketika itu wajah Zaitun benar-benar nampak pucat. Rasiah tak berani untuk berkata apa-apa kerana dia takut akan menyinggung perasaan Zaitun.

Dalam perkara begini Rasiah harus berhati-hati bila hendak memberi nasihat maklum ada katanya apabila seseorang itu ditimpa masalah mereka mudah tersinggung sebab itulah Rasiah hanya dapat memeluk badan Zaitun

dengan penuh rasa sebak di dadanya tanpa ada sepele pun perkataan yang keluar dari mulutnya.

Dalam menahan sedihnya Rasiah terdengar Zaitun bertanya adakah dia tahu di mana Haris berada. Kerana dia benar-benar ingin berjumpa dengan pemuda itu. Untuk apa Zaitun bertanyakan Haris? Rasiah merenung wajah yang pucat itu. Kenapa Haris yang dicari. Adakah Zaitun belum dapat melupakan Haris dalam hidupnya. Tapi sedih juga di hati Rasiah bila melihat Zaitun seperti dia benar-benar harap supaya Rasiah dapat memberitahu di mana Haris. Mungkin Zaitun ingin meminta maaf kerana dia pernah membuat hati Haris terluka. Rasiah tahu Zaitun masih menaruh perasaan cinta pada Haris. Itu kisah lama yang tak akan mungkin datang kembali. Rasiah hanya merenung Zaitun di hati dia berharap semoga Zaitun faham akan renungannya itu. Kerana memang dia tidak tahu ke mana perginya Haris Setelah Zaitun berkahwin dengan Haji Salihin atas pilihan orang tuanya Haris hilang entah ke mana.

Itulah pertemuan yang terakhir di antara Rasiah dengan Zaitun selepas itu Rasiah hanya mendengar khabar yang Zaitun masuk ke rumah sakit dan keluar sekejap. Lepas itu masuk lagi. Rasiah memang sengaja tidak mahu melawat Zaitun semasa dia berada di rumah sakit kerana Rasiah tidak mahu Zaitun merasa yang hidupnya berakhir begitu kerana bukan itu yang diharapkan oleh Rasiah. Dan hari ini Rasiah menerima kepergian Zaitun dengan hati yang benar-benar pilu. Zaitun telah pergi menghadap yang Maha Esa.

Rasiah dan suaminya sampai di rumah Haji Salihin jam baru saja menunjukkan sembilan pagi. Kerana mereka berdua menyangka jenazah Zaitun masih lagi berada di rumahnya. Rasiah berasa hairan melihat banyak tetamu yang sudah pulang. Yang tinggal hanyalah keluarga yang terdekat saja. Rasiah bertanya pada Saliha iaitu adik perempuan Haji Salihin di mana jenazah Zaitun akan disemadikan. Saliha memberitahu jenazah Zaitun akan disemadikan di tanah perkuburan kampung itu yang tidak jauh dari sana.

Oleh kerana Zaitun meninggal di waktu malam. Jadi jenazahnya telah pun dimandikan malam itu juga dan Sembahyang Jenazah juga tidak henti-henti dilakukan oleh sanak saudara dan dari jiran-jirannya. Jam 6.00 pagi anak Zaitun dan dua tiga keluarga yang lain telah pergi ke tanah perkuburan jadi kalau tidak ada masalah jam lapan pagi liang lahad sudah siap digali. Itulah sebabnya mereka membawa jenazah Zaitun berangkat awal tanpa bertanya terlebih dahulu adakah mereka sudah boleh datang ke tanah perkuburan. Rasiah dan suami tidak terus pulang suaminya berpendapat lebih baik mereka berdua pergi

saja ke tanah perkuburan sebagai tanda penghormatan mereka yang terakhir pada jenazah Zaitun.

Rasiah dan suaminya terkejut memandangi jenazah Zaitun masih lagi berada di dalam kereta jenazah. Rasiah dan suaminya turun dari kereta mereka lalu memberi salam kepada Haji Salihin dan tetamu yang ada. Haji Salihin memberitahu pada suami Rasiah tanah yang sudah digali sedalam dua kaki tidak dapat digali lagi kerana terlalu keras. Sudah bermacam cara dilakukan tapi masih juga tak berhasil. Seorang anak muda datang menghampiri Haji Salihin. Kalau tidak keberatan dia akan cuba meminta bantuan pada ayah saudaranya yang tinggal tidak jauh dari rumahnya. Oleh kerana tidak ada pilihan akhirnya Haji Salihin memberi kebenaran pada anak muda itu untuk memberi bantuan padanya. Dan terus mengucapkan ribuan terima kasih.

Tidak lama kemudian terlihatlah anak muda tadi bersama dengan seorang lelaki yang sebaya dengan Haji Salihin. Orangnyanya belum tua. Lelaki itu memberi salam pada Haji Salihin dan juga pada orang yang ada dekat dengannya. Haji Salihin menjawab salam dari lelaki itu lalu menerangkan masalah yang mereka hadapi. Memandangkan jam sudahpun hampir 10.00 pagi tak lama lagi orang akan pergi ke masjid untuk menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat. Lelaki itu hanya menjawab dengan perkataan *InsyaaAllah*. Darah Rasiah bergemuruh apabila terpancang wajah lelaki yang datang itu adalah Haris. Dengan pantas Rasiah mendekati Haris dan memberi salam. Haris terkejut melihat Rasiah dan suaminya berada di tanah perkuburan itu. Dari renungan mata Haris, Rasiah dapat merasa seperti ada yang tak kena di hati Haris bila saja dia terpancang Rasiah. Haris minta diri pada Rasiah dan suaminya kerana dia akan memulakan kerjanya. Haris menyentuh tanah yang akan digalinya dengan tangan sebelah kanan. Dia merasa memang ada yang tidak kena pada jenazah yang akan jadi penghuni liang lahad hari itu. Sebelum itu Haris berjalan menuju ke arah pondok yang telah disediakan di kawasan kubur itu. Haris mengambil air wudhu selepas itu dia mendirikan solat sunat dua rakaat memohon pada yang Maha Esa semoga apa yang akan dikerjakannya nanti mendapat rahmat. Dan memberi keampunan kepada jenazah yang akan disemadikan pada hari itu.

Selesai menunaikan Solat Hajat Haris menyambung semula kerja mengali tanah liang lahad yang tergendala tadi. Alhamdulillah dengan pertolongan dua tiga orang termasuk anak Zaitun tidak sampai satu jam liang lahad sudahpun dapat diselesaikan. Haji Salihin menyudahkan bacaan Surah Yaa Siin apabila terpancang Haris telah memberi isyarat yang jenazah isterinya sudah boleh

dimasukkan. Dengan tak membuang masa Haji Salihin turun ke dalam liang lahad dia memanggil anaknya yang tua untuk bersamanya. Dan meminta supaya Haris tetap berada di bahagian kepala Haji Salihin sendiri berdiri di tengah anaknya di bahagian kaki.

Tapi belum pun jenazah Zaitun diturunkan ada lagi masalah yang terjadi. Tiba-tiba Haji Salihin melihat liang lahad seperti tertutup. Haji Salihin seperti tak percaya dengan apa yang dipandangnya lalu dia memandang pada Haris seakan dia ingin meminta kepastian apakah benar apa yang dilihatnya itu. Haris faham akan maksud pandangan Haji Salihin itu lalu Haris membawa Haji Salihin naik semula ke atas tanah perkuburan dan duduk bersebelahan dengan jenazah Zaitun. Haris bertanya pada Haji Salihin kalau arwah isterinya ada membuat kesalahan baik yang Haji Salihin ketahui atau tidak maafkanlah dia, Haji Salihin menjawab selama dia hidup bersama dengan arwah isterinya sedikit pun dia tidak merasa berkecil hati kerana arwah isterinya adalah seorang perempuan yang sangat baik budi pekertinya. Arwah isterinya tidak pernah meminta apa-apa darinya. Seperti dia tidak memerlukan apa yang ada dalam dunia ini. Apa yang dibawa dengan senyum dan ucapan terima kasih yang tak pernah dia lupakan. Arwah isterinya juga kuat beribadat. Bagi Haji Salihin arwah isterinya adalah seorang isteri yang sangat istimewa di dalam hidupnya.

Haris meminta Haji Salihin mengingat lagi semasa isterinya sakit adakah dia meminta atau berpesan apa-apa pada Haji Salihin. Seperti kilat Haji Salihin teringat tiga bulan yang lalu arwah isterinya ada meminta padanya. Kalau dia sudah tiada dia tak mahu Haji Salihin beristeri lagi. Isterinya meminta jawapan masa itu juga tapi Haji Salihin tak dapat berkata. Kerana di hatinya terlalu merasa berat untuk berjanji pada arwah isterinya. Sebagai manusia dia dapat merasa yang hidup ini adalah ditentukan oleh yang Maha Kuasa. Sebab itulah dia tak dapat menjawabnya.

Haji Salihin bercerita dengan linangan air matanya. Haris meminta pada Haji Salihin supaya dia memberi jawapan dengan hati yang jujur kepada arwah isterinya. Dengan tidak membuang masa Haji Salihin berkata. Dia memohon maaf kepada arwah isterinya Zaitun kerana buat masa ini belum lagi terlintas di hatinya untuk mencari pengganti Zaitun. Tapi kalau Tuhan masih memberi dia jodoh dia akan menerima dengan rela tapi dia akan tetap menyayangi Zaitun hingga ke akhir hayatnya. Haji Salihin meminta supaya Zaitun pergi dengan tenang dan aman kerana dia juga merelakan Zaitun pergi menghadap Tuhan yang Maha Esa. Selepas itu Haji Salihin membaca doa dan diikuti oleh yang lainnya. Setelah doa selesai diaminakan jenazah Zaitun pun diturunkan ke

dalam liang lahad. Semasa Haris menyambut jenazah Zaitun dadanya berdebar kencang seperti ada yang memukulnya. Haris berselawat tiga kali. Rasiah dapat melihat yang tangan Haris gementar. Semasa liang lahad akan ditimbus setelah Haji Salihin menciumkan tanah ke hidung arwah isterinya. Haris tidak mahu memandangnya. Kerana yang meninggal itu adalah isteri orang haram hukumnya. Haris tercium bau yang sangat harum. Haji Salihin juga sama tercium bau itu. Lalu Haris mengucapkan Allahuakbar dan Alhamdulillah diikuti oleh semua yang hadir.

Setelah semuanya selesai dan yang datang pun memohon diri untuk pulang. Haji Salihin mempersilakan mereka semua supaya dapat datang ke majlis bertahlil di rumahnya malam nanti. Haris minta maaf kerana dia tidak dapat hadir kerana dia ada janji dengan anak muridnya.

Haji Salihin datang menghampiri Haris dan Rasiah juga suaminya. Dia mengucapkan ribuan terima kasih. Kerana kalau bukan bantuan dari Haris tentu semua itu belum dapat diselesaikan. Haris menjawab semuanya atas pertolongan dari Tuhan dia hanya sebagai penghantarannya saja. Haji Salihin memperkenalkan anak lelakinya pada Haris. Haji Salihin memberitahu yang anaknya itu bernama Haris Fadilah. Isterinya yang memberi nama itu. Haris hanya tersenyum tapi di hatinya dia teringat yang nama itu akan diberi kepada anaknya. Kalau dia sampai berkahwin dengan Dewi. Haji Salihin memberi salam dan terus meninggalkan Haris. Rasiah dan suaminya.

Haris bertanya pada Rasiah apa hubungannya dengan yang meninggal dan bertanya lagi adakah Rasiah tahu di mana Dewi sekarang, kerana sudah beberapa bulan ini dia asyik teringat saja memberi tahu pada Dewi. Haris memberitahu pada Rasiah akan kegundahan hatinya.

Rasiah tidak dapat menjawab. Dia hanya merenung wajah Haris. Di matanya Rasiah dapat merasa yang Haris sedang mencari Dewi. Haris merenung tepat keanak mata Rasiah seperti dia dapat merasa ada yang tidak kena terjadi pada Dewi. Dengan suara yang perlahan Rasiah menjawab yang tadi itu adalah Dewi. Dahi Haris berkerut seperti dia tersalah dengar. Rasiah mengulang ucapannya. Jenazah yang tadi itu adalah Dewi, iaitu Zaitun adalah nama Dewi yang sebenarnya. Rasiah melihat betapa pucatnya wajah Haris ketika itu seperti dia akan pengsan.

Dengan pantas suami Rasiah mendakap badan Haris lalu membawanya duduk di atas bangku yang ada disediakan di tanah perkuburan itu. Haris tidak

dapat menerima berita itu. Haris menangis sambil berjalan menghampiri pusara Zaitun lalu dia berkata.

“Dewi, kenapa kau pergi tanpa memberi tahu padaku, yang kau sedang sakit, Dewi! Siang dan malam tak pernah aku lupa padamu, setiap ada ruang di hatiku, aku selalu berdoa, semoga kita dapat bertemu, dalam bahagia, bukannya duka.” Haris berusaha menahan tangisnya. Walaupun dia dalam kepayahan kerana terlalu sedih.

Rasiah menangis mendengar apa yang disampaikan Haris pada Zaitun. Dia memeluk suaminya kerana terasa benar sayu di hatinya. Suaminya mengusap bahu Rasiah seperti suaminya bersimpati dengan nasib yang menimpa kedua sahabat isterinya itu.

Setelah tenang Haris minta diri untuk pulang kerana waktu Solat Jumaat sudah hampir tiba. Rasiah hanya dapat memberi anggukkan sebagai jawapannya. Rasiah juga dapat merasa betapa hancurnya hati Haris kerana yang dikebumikannya itu adalah Dewi wanita yang selama ini ingin dijadikan miliknya. Tidak lama selepas Haris pergi, Rasiah dan suaminya pun pulang meninggalkan tanah perkuburan.

Dalam perjalanan pulang seperti Haris tak dapat untuk melangkahhkan kakinya. Tapi dia masih ingat semua yang terjadi adalah rahsia Tuhan dia harus menerima dengan hati yang suci bersih jangan ada satu pun kekesalan di hatinya yang boleh membawa niatnya terpesong. Tapi sekuat manapun Haris menahan sedih di hatinya air mata tetap juga membasahi pipinya. Bila sampai di kawasan rumahnya Haris merasa seperti dia kehilangan sesuatu barang yang sangat berharga.

Lalu dia duduk di tangga rumahnya. Di sana sekali lagi Haris menangis kerana penantiannya kini sudah berakhir. Haris berharap agar satu masa nanti Dewi akan datang padanya. Tapi sayang orang yang ditunggunya telah pergi buat selamanya. Dan yang paling mengguris hatinya ialah sedikit pun tidak terfikir tanah yang digalinya itu adalah untuk jenazah Dewi orang yang ditunggunya sekian lama. Wanita inilah yang akan dijadikannya isteri. Hanya wanita ini juga yang dapat menembusi pintu hatinya.

Akhirnya dia yang menyambut jasad Dewi apabila diturunkan ke dalam liang lahad. Betapa hancurnya hati Haris ketika itu terasa dia ingin menjerit dan bertanya pada Tuhan. Kenapa begini akhirnya cintanya pada Dewi. Kerana

Dewilah dia meninggalkan semua harta yang menjadi miliknya dan lari bersembunyi di kampung itu membawa hatinya yang benar-benar terluka. Dia hidup seorang diri di sebuah rumah kayu yang sangat sederhana dipenuhi dengan berbagai-bagai jenis bunga mawar yang menjadi kesayangannya. Kerana Haris tahu bunga mawar itu adalah bunga kegemaran Dewi.

Haris juga banyak menanam sayur-sayuran untuk memenuhi hari lapangnya sayur itu akan diberinya kepada orang yang ingin membeli sebagai sedekah buat amalan hidupnya. Kerana semasa dia mula terpandang Dewi di zaman mudanya Dewi sedang berkebun sayur dan bunga-bunga yang banyak di halaman rumahnya. Sebab itu, Haris berharap bila Dewi datang padanya semua yang diinginkan ada di hadapan matanya.

Di hatinya Haris selalu berharap Dewi akan menjadi miliknya. Dan mereka berdua akan duduk bersama di dalam taman yang dibinanya sendiri. Tapi sayang Dewi tidak dapat melihat semua itu. Dan Haris juga tidak menyangka yang hari itu berakhir sudah penantiannya. Kerana Dewi telah pergi buat selamanya. Bila tangisnya telah reda Haris pun masuk ke dalam rumahnya dengan langkah yang tergesa-gesa kerana dia telah terdengar suara Azan menandakan waktu Solat Jumaat telah tiba.

Kalau dulu Haris selalu berdoa apabila saja dia selesai menunaikan sembahyang lima waktu agar dia dapat hidup bersama dengan Dewi. Tapi mulai hari itu dia hanya akan berdoa semoga Tuhan mencucuri rahmat kepada roh Dewi yang telah kembali kepadaNya. Hanya itu yang dapat Haris lakukan untuk Dewi yang pergi membawa sebuah cinta suci dari hatinya. Tidak ada lagi yang akan ditunggu oleh Haris dalam hidup ini kecuali mati.

Sebelum mati itu tiba dia harus bersedia membawa apa yang terdaya untuk dirinya. Kerana Haris tahu dia tidak punya sesiapa dalam hidupnya yang akan menyambung amal kebajikan yang telah dilakukannya. Kerana dia tidak punya keturunan untuk dinanti memandikannya apabila dia sudah tiada. Walaupun dia punya harta tapi harta itu sudahpun diserahkan kepada adik dan anak saudaranya yang berada di Kanada. Semua harta itu dibelinya dengan menggunakan nama Dewi. Termasuk sebuah kapal juga di atas nama Dewi. Kapal itu adalah kapal peranginan. Haris berhasrat bila Dewi menjadi miliknya dia akan membawa Dewi mengelilingi lautan Kanada dengan kapal itu tapi Haris tahu semua itu tak akan pernah terjadi lalu kapal itu dihadiahkannya kepada Adam anak saudaranya yang dulunya menjadi kesayangan Dewi. Haris lari ke Kanada kerana dia berasa kecewa pabila mendengar yang Dewi akan

dikahwinkan dengan seorang pemuda yang menjadi pilihan keluarganya. Ketika itu Haris seperti orang gila kalau boleh ingin saja rasanya Haris membawa Dewi pergi bersamanya.

Tapi apakah daya Dewi adalah gadis Melayu yang dijaga dengan didikan mengikut acuan Melayu. Dewi tidak boleh berkata tidak pada ibunya, kerana ibunya juga tidak pernah berkata tidak pada neneknya.

Selama 38 tahun Haris berada di rantau orang. Entah apa sebabnya hati Haris ingin kembali ke tanah tumpah darahnya. Haris merasa seperti ada satu suara yang memanggil dia untuk pulang. Akhirnya setelah semua hartanya yang ada di Kanada diserahkan pada Adam. Haris pulang dan dia membeli sebidang tanah untuk tempat kediamannya. Itulah rumah yang dianggapnya sebagai sebuah istana untuk dia dan Dewi menghabiskan hari tua mereka bersama. Sebuah impian yang hilang ditelan kabus malam.

Setelah 40 hari pemergian Dewi. Rasiah datang menziarahi pusara Dewi. Rasiah terpancang banyak bunga mawar terletak di atas pusara Dewi. Ada yang sudah kering layu dan yang masih segar semua diletakkan dengan sempurna. Rasiah tahu mawar itu tentunya dari Haris. Rasiah membaca Al Faatihah sebagai ingatannya pada Dewi. Tidak lama kemudian Rasiah terdengar ada langkah kaki menuju ke arahnya. Rasiah memandang orang itu. Ternyata Haris sudah berdiri disisinya. Haris tak tersenyum matanya sayu merenung batu nisan yang terpacak kaku di hadapannya. Haris duduk lalu meletakkan lagi sekuntum bunga mawar putih. Rasiah tahu Haris menangis. Rasiah tak dapat menahan sedih di hatinya dia juga menangis sama. Dalam sendunya Haris bertanya kepada Rasiah adakah pernah Dewi bertanya tentang dirinya. Rasiah menjawab memang seringkali bila berjumpa tidak pernah Dewi tidak bertanya tentang Haris. Tapi Rasiah tak dapat memberitahu pada Dewi kerana Rasiah takut berdosa pada suami Dewi kalau nanti Dewi tidak jujur pada suaminya bila dia tahu yang Haris masih mencintai dirinya dan Haris sudahpun kembali ke tanah air.

Walaupun Rasiah kasihan melihat penderitaan jiwa Dewi. Rasiah berharap Haris tidak akan kecil hati padanya. Haris berkata, “Kau tahu Ras, betapa aku terseksa setelah mengetahui yang Dewi telah dipaksa untuk kahwin dengan orang lain, oleh kerana aku tidak mahu Dewi disakiti oleh ayah dan keluarganya aku pergi meninggalkan keluarga yang sangat ku kasihi. Tapi jauh di lubuk hatiku, aku masih menaruh harapan Dewi tetap akan menjadi milikku, tapi sekarang apa yang akan ku nanti,” Haris bertanya pada Rasiah. Di matanya masih ada air yang mengalir membasahi pipinya. “Haris, semua ini adalah rahsia Tuhan tidak

ada siapa yang tahu apa penghujungnya hidup kita ini,” hanya itu yang dapat Rasiah ucapkan kepada Haris.

Haris berkata lagi, “Ras, penantianku yang pertama sudah ada jawabannya, Dewi tidak dapat ku miliki, tapi, penantian ku yang kedua adakah aku dan Dewi tidak dapat bersama bila aku sudah tiada?”. Haris tidak menunggu jawapan dari Rasiah. Dia lalu pergi meninggalkan Rasiah sendiri di pusara Dewi atau Zaitun. Satu badan dua nama. Satu badan dua lelaki yang mencintainya. Rasiah berkata sendiri. Rupanya masih ada seorang Majnun di dunia ini yang hidup menderita kerana seorang wanita yang dipujanya. Rasiah seperti tak percaya. Tapi itulah sebuah cinta yang bermula dengan duka di pertengahannya kecewa.

Penghujung penderitaan yang dirasakan oleh Haris sangat memukul jiwanya. Rasiah juga dapat merasa mungkin Dewi tak pernah senyum. Yang hilang dari bibirnya ialah nama Haris, seolah dia sangat merindu lelaki itu. Itu yang membuat Rasiah tidak lagi mahu berjumpa dengan Dewi. Setelah tiga tahun mereka berjumpa semula, Rasiah ingat Dewi sudah lupa pada Haris. Tapi sayang nama Haris sudah terpaku di hati Dewi. Dia tetap akan bertanya di mana Haris. Itu yang membuat Rasiah seperti berhenti dari bernafas.

Sebelum pergi Rasiah memberi salam dan bersedekah Al Faatihah kepada yang telah pergi. Semoga mereka dapat rahmat dari Tuhan yang mana pengasih lagi yang Maha Penyayang. Rasiah memandang sekeliling matanya terpancang lagi kuntum mawar di atas pusara Dewi. Itulah lambang cinta dua insan yang cinta mereka tidak kesampaian. Sebuah cinta yang hambar. Rasiah dapat merasakan betapa rindunya Haris pada Dewi. Dan bagaimana kalau malam tiba rindu itu datang menggoncang hatinya. Ke mana Haris akan pergi.

Kalau dulu dia akan pergi jauh. Tapi sekarang adakah Haris akan mendatangi pusara Dewi. Walaupun di tengah malam yang sepi. Rasiah takut itu akan terjadi. Dan benar-benar akan terjadi. Rasiah berdoa dan meminta pada Tuhan. Semoga Haris dapat bertahan dengan ujian yang diberi Tuhan pada dirinya.

Sebelum sampai ke arah letak keretanya. Di pertengahan jalan Rasiah terjumpa Haji Salihin bersama dengan tiga orang anaknya. Rasiah bertanya apa khabar Haji Salihin dan anak-anaknya. Haji Salihin menjawab semuanya baik-baik saja.

Rasiah minta diri untuk pulang. Dan Haji Salihin meneruskan jalannya menuju ke pusara arwah isterinya.

Belum pun Rasiah menghidupkan enjin keretanya. Tiba-tiba telefon bimbitnya berbunyi. Rasiah memberi salam. Ternyata yang menelefon adalah Haji Salihin yang mengucapkan ribuan terima kasih kerana Rasiah setiap hari menghantar bunga mawar ke pusara arwah isterinya Rasiah tak dapat berkata apa-apa dia selain berkata “tak apa”. Rasiah menerima salam dari Haji Salihin lalu menutup telefon bimbitnya.

Di dalam kereta menuju pulang Rasiah merasa seperti sudah selesai satu penderitaan yang ditanggung oleh seorang sahabatnya. Sekarang yang tinggal hanya Haris yang tak pernah akan tersenyum di dalam menghadapi hari-hari yang mendatang dalam hidupnya. Rasiah menangis mengenang nasib dua sahabatnya itu. Rasiah melajukan keretanya di hatinya dia berjanji akan datang lagi bila Tuhan memberi ia umur. Walaupun sendu di hatinya tak akan hilang bila dia ingat pada dua insan yang benar-benar dia kasih.

TAMAT

*Pelita Brunei keluaran 21 Disember 2014*

